Perlis may gazette fossilised stem site

BETTER PROTECTION: State govt seeks geoheritage status for Bukit Chondong

RJ SHAZWANI
PADANG BESAR
shazwani.hsan@nst.com.my

ALTHOUGH it is the smallest state in the country, Perlis is expected to be the next popular destination among geoheritage enthusiasts following the discovery of the 280 million-year-old plant stem in Bukit Chondong here.

The fossilised stem, which was unearthed by paleontology researchers from the Mineral and Geoscience Department two years ago, dates back to the Permian period in the Palaeozoic era.

Mineral and Geoscience Department for Kedah, Perlis and Penang director Zainol Husin said the plant stem, which was as wide as an identity card and about 1m long was found inside the rock at the hill when the team was carrying out archeological research in the area.

"We are planning to propose to the state government to gazette the area as a geoheritage site to protect and conserve the site.

"Besides giving the opportunity to the public to have a closer look at the fossil for education and research purposes, the site also has huge potential for being the country's new tourism destination," he said during a tour of the site yesterday.

Apart from Bukit Chondong, Zainol said, the department was working on a proposal to have two other sites in the state — Utan Aji in Kangar and Gua Bukit Kubu in Kuala Perlis — gazetted as well.

A resident in Kampung Semadong said she was surprised to learn about the plant stem.

Suriani Ismail, 46, said the site used to be a huge hill before it was flattened about 20 years ago to make way for the development of a school, leaving some parts unattended, including the area where the plant stem is said to have been found.

"A million-year-old fossil found in our small village? You must be pulling my leg," she responded in disbelief when told about the discovery.

Suriani, who was born and raised in the village said it never crossed her mind that the hill which was her childhood playground in the 1980s would contain such precious and ancient remains.

Another villager, Nurzarina Darus, 41, said she was excited to learn about the discovery as she believed it would benefit everyone, especially the villagers.

JMG in the News

28.03.2015: Utusan Malaysia
Mineral bermutu ditemukan di Perlis
High grade mineral found in Perlis

Mineral bermutu ditemukan di Perlis

Oleh SHOLINA OSMAN
pengarang@utusan.com.my

■ KANGAR 27 MAC

JABATAN Mineral dan GeoSains Malaysia Kedah/Perlis/Pulau Pinang berjaya menemukan batu dolomit di utara negeri ini yang dikenalpasti paling bermutu sekali gus membolehkan Perlis kini mempunyai aset mineral bernilai tinggi bagaikan 'emas' jika dikomersialkan.

Pengarahnya, Zainol Husin berkata, dalam penemuan itu pihaknya mendapati jika dolomit itu diproses ia boleh menghasilkan sejenis bahan kimia 'Magnesium Oxide' (MgO) yang dijual di pasaran semasa dengan harga RM147 bagi setiap 100 gram berbanding sekarang dolomit mentah dijual dengan harga RM80 hingga RM120 setan.

"MgO mempunyai pasaran lebih besar termasuk pembuatan kaca, elektrik, farmaseutikal, perabot, makanan tambahan untuk ternakan dan sebagainya," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kursus Pengenalan Kepada Mineral Perindustrian Untuk Kumpulan Pelaksana (Tahap Satu) di Hotel Putra Palace di sini hari ini.

Zainol berkata, sehingga kini simpanan dolomit di Perlis dalam anggaran sebanyak 600 juta tan dan paling besar di kawasan Felda Rimba Mas.

Beliau berkata, kualiti dolomit di Felda Rimba Mas juga setanding dengan dolomit di Jerman, Great Britain, Amerika Syarikat, India dan Sepanyol.

"Sehingga kini dolomit lebih popular untuk digunakan dalam bidang pertanian seperti untuk mengatasi tanah berasid dan jerlus serta pembuatan jalan dan juga batu blok dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan membentangkan hasil penemuan itu kepada kerajaan negeri.

Tambahnya, sehingga kini kerajaan negeri menunjukkan minat dengan kejayaan penemuan tersebut.

Bagaimanapun katanya, keputusan terletak kepada kerajaan negeri ini untuk menjadikannya sebagai bentuk industri baharu yang boleh menarik pelabur ke negeri ini.

Zainol berkata, pihaknya telah menjalankan kajian ke atas dolomit itu sejak tahun 1985 dan dilakukan secara berperingkat sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

DOLOMIT

ZAINOL HUSIN menunjukkan hasil kajian Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Kedah/Perlis/Pulau Pinang mengenai penemuan dolomit bermutu tinggi di utara Perlis pada sidang akhbar di Hotel Putra Palace di Kangar.

01.04.2015: Berita Harian
Cengkerang 350 juta tahun ditemui di Perlis
Shells of 350 million years ago found in Perlis

NASIONAL

Cengkerang 350 juta tahun ditemui di Perlis

» Kawasan bakal diwarta, jadi tarikan pelancong

09.06.2015: Utusan Malaysia
Malaysia berisiko gempa bumi lebih besar
Malaysia at risk for higher magnitude earthquakes

Malaysia berisiko gempa bumi lebih besar

KUALA LUMPUR 8 JUN

GUNUNG Kinabalu dan Lahad Datu di Sabah berisiko mengalami gempa bumi lebih besar kerana berada di atas garisan sesar yang masih aktif.

Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains, Datuk Yunus Abdul Razak berkata, berdasarkan kajian mendapati, lebih daripada 80 gempa bumi dengan skala antara 3.8 hingga 5.9 pada skala Richter berlaku sejak tahun 1897 hingga kini.

"Gempa bumi yang berlaku di Gunung Kinabalu pada Jumaat lalu merupakan gempa yang paling besar terjadi di negara ini dengan magnitud 5.9 apabila pusat gempanya berada sebaris dengan garis sesar aktif tersebut.

"Oleh itu, cadangan mewujudkan pusat khas untuk memantau gempa bumi wajar dilaksanakan agar pemantauan terhadap kelakuan dan pengerakan tanah di kawasan berisiko dapat dilakukan supaya dapat memberi amaran awal kepada kita," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

YUNUS ABDUL RAZAK

Semalam, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan agar sebuah pusat khas untuk memantau pergerakan atau gempa bumi perlu diwujudkan bagi mengesan sebarang kemungkinan bencana itu pada masa akan datang.

Timbalan Perdana Menteri mahu Jabatan Mineral dan Geosains mengkaji keperluan tersebut dengan melibatkan tenaga pakar dari dalam dan luar, khususnya pakar dari negara-negara yang selalu berdepan dengan gempa bumi seperti Jepun.

Menurut Yunus, beberapa langkah akan diambil dalam masa terdekat demi merealisasikan keperluan itu apabila beberapa cadangan serta langkah-langkah telah dikemukakan.

"Alat pengesanan gegaran gempa bumi seperti seismometer sebagaimana Jabatan Meteorologi laksanakan perlu ditambah lebih banyak bagi memantau kejadian itu dari semasa ke semasa.

"Selain itu, memandangkan kepakaran berkaitan pemantauan ada di negara jiran, maka ruang sedia ada melalui ASEAN akan digunakan bermula dengan negara Indonesia.

"Kita juga akan mengadaptasi sistem yang digunakan negara-negara yang berpengalaman berhadapan gempa bumi selain berbincang mengenai pengoperasian dan keperluan," katanya.

Sementara itu, Ketua Kumpulan Penyelidikan Kejuruteraan Seismologi dan Gempa Bumi Struktur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Azlan Adnan berkata, Semenanjung Malaysia khususnya di Kuala Lumpur juga tidak terkecuali daripada mengalami gempa bumi kerana kebanyakan bangunan di Kuala Lumpur dibina berhampiran garisan sesar yang aktif.

28.04.2015: Sinar Harian
Tapak Geowarisan Kampung Padang Nyior, Kedah
Kampung Padang Nyior Geoheritage site, Kedah

Diisytihar tapak Geowarisan Kedah

Selepas terdapatnya peninggalan debu gunung berapi di kawasan Kampung Padang Nyior

Aktiviti Mineral
Mineral Activities

Aktiviti Mineral
Mineral Activities

Permintaan mineral dunia semakin meningkat berikutan penambahan penduduk dan mineral digunakan secara meluas dalam pelbagai aplikasi. Oleh itu, sebagai jabatan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan sumber mineral negara, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) komited untuk menyediakan maklumat pra-persaingan mineral untuk menyokong dan memudahkan aktiviti ekplorasi mineral, serta memberi khidmat nasihat berkenaan guna tanah dan pembebasan mineral kepada pihak berkuasa negeri, dan swasta.

Demand for minerals is increasing worldwide as population increases and minerals are used in a greater range of applications. Therefore, as the department responsible for the management of mineral resources of the country, Minerals and Geoscience Department (JMG) is committed to providing pre-competitive mineral information in support of and to facilitate mineral exploration activities, as well as provides advisory services pertaining to land use and mineral clearance to the state authorities, as well as the private sector.

Penilaian Sumber Mineral

Penilaian sumber mineral yang dijalankan oleh JMG melibatkan penilaian sumber mineral berlogam, mineral perindustrian, mineral tenaga, dan mineral strategik. Dari penilaian tersebut, sumber baharu bauksit, agregat batuan, andalusit, batu kapur, batuan silika, lempung, pasir dan kelikir, dan batu arang telah dikenal pasti.

Mineral Resource Evaluation

Mineral evaluation carried out by JMG involves resource evaluation for metallic, industrial, energy, and strategic minerals. From such evaluations, new deposits of bauxite, rock aggregate, andalusite, limestone, silica rock, clay, sand and gravel, and coal have been identified.

Mineral Berlogam

Penilaian sumber mineral berlogam melibatkan kajian peringkat tinjauan, susulan dan terperinci. Pada tahun 2015, kerja penilaian tinjauan sumber mineral berlogam telah dijalankan di tiga buah negeri iaitu Kedah, Perak dan Melaka dengan jumlah kawasan liputan seluas 310 km^2. Pada tahun yang sama, penilaian susulan/ terperinci sumber mineral berlogam telah dilaksanakan di enam buah negeri, iaitu Selangor, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah dengan jumlah kawasan liputan seluas 74 km^2. Simpanan bauksit (185,100 tan metrik) telah dikenal pasti di Johor. Anomali geokimia timah telah dikesan di Perak, manakala anomali pelbagai unsur geokimia telah dikenal pasti di Perak dan Selangor.

Kajian potensi sumber mineral Cadangan Projek Hidroelektrik Nenggiri Kelantan diteruskan pada tahun 2015. Projek ini merupakan usahasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melibatkan persampelan geokimia dan pemetaan geologi terperinci.

Metallic Minerals

Metallic mineral resource evaluation involves initial reconnaissance, follow-up and detailed surveys. In 2015, reconnaissance evaluation for metallic mineral resources was carried out in three states, namely Kedah, Perak and Melaka covering a total area of 310 km^2. In the same year, follow-up/ detailed metallic mineral resource evaluation was carried out in six states, namely Selangor, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak and Sabah, covering a total area of 74 km^2. Reserves of bauxite (185,100 tonnes) have been identified in the state of Johor. Tin geochemical anomalies have been detected in the state of Perak, whereas multi-element geochemical anomalies have been detected in the state of Perak and Selangor.

Mineral resource potential study on the Proposed Nenggiri Hydroelectric Project in Kelantan was continued in year 2015. This is a joint project with Tenaga Nasional Berhad (TNB) that involved geochemical samplings and detailed geological mapping.

Penilaian sumber mineral berlogam (tinjauan)
Metallic mineral resources assessment (reconnaissance)

Komoditi Commodity	Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Timah Tin	Kedah	Sg. Bahoi Ulu Muda, Sik	142	Kandungan Sn yang tinggi dalam sampel kelodak dan konsentrat dulang. Pemineralan jenis telerang Sn-Sulfida dan skarn dijangka wujud berdasarkan kehadiran unsur-unsur bersekutu yang tinggi dan zon sentuhan antara batu kapur dan granit. High Sn content in silt and panned concentrate samples. Sn-sulphides vein type mineralisation and scarn were expected due to the presence of high content of associated elements and contact zones of limestones with granites.
		Sg. Mas, Baling	38	Kandungan Sn dan W yang tinggi dalam sampel kelodak dan konsentrat dulang. High content of Sn and W in the silt and panned concentrate samples.
	Perak	Lawin	80	Kandungan Sn berjulat dari 58 ppm hingga 394,700 ppm dalam sampel konsentrat dulang dan ia berjulat dari 0.5 ppm hingga 469 ppm dalam sampel kelodak. Tiga lokasi anomali timah, dan juga tiga lokasi anomali pelbagai unsur (As, Ba, Bi, Mo dan Pb) telah dikenal pasti. The content of Sn ranging from 58 ppm to 394,700 ppm in panned concentrate samples, and from 0.5 ppm to 469 ppm in silt samples. Three localities with tin anomalies and three localities with multi-element (As, Ba, Bi, Mo and Pb) anomalies have been delineated.
Bijih Besi Iron Ore	Melaka	Alor Gajah	50	Bijih besi dengan kandungan Fe berjulat dari 26.8% hingga 62.67%. Dua kawasan telah dicadangkan untuk kajian susulan. Iron ore with Fe content ranging from 26.8% to 62.67%. Two areas have been proposed for follow-up study.
Jumlah Liputan: **Total Coverage:**			**310**	

Penilaian sumber mineral berlogam (susulan/ terperinci)
Metallic mineral resources assessment (follow-up/ detailed)

Komoditi Commodity	Negeri State	Lokasi Location	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Timah-Tungsten Tin-Tungsten	Selangor	Hulu Langat Selatan	50	Dua kawasan anomali pelbagai unsur berkeutamaan 1 telah dikenal pasti untuk kajian lanjut. Two priority 1 multi-element anomalous areas have been identified for further study.
Bauksit Bauxite	Johor	Bukit Tampol, Muar	5	Anggaran rizab bauksit adalah sebanyak 84,700 tan metrik. Estimated reserve is 84,700 tonnes.
		Ladang Aw Boon, Muar	2	Anggaran rizab bauksit adalah sebanyak 100,400 tan metrik. Estimated reserve is 100,400 tonnes.
Emas Gold	Johor	Sg. Jamari, Mersing	4	Sampel dalam proses analisis. Samples are still being analyzed.
	Kelantan	Kuala Betis	10	Singkapan syis dan batu kapur dipotong oleh telerang kuarza terbreksia yang mengalami pemineralan. Outcrops of schist and limestone were cut by brecciated mineralised quartz veins.
	Pahang	Sg. Kerak, Lipis	1	Potensi rendah. / Poor potential.
	Sarawak	Gunung Rawan, Serian	1	Sampel dalam proses analisis. Samples are still being analyzed.
	Sabah	Sg. Malati, Ulu Kalumpang, Kunak	1	Kajian polarisasi geofizik telah mengesan kehadiran mineral sulfida yang mungkin mencadangkan pemineralan emas di kawasan ini. Polarisation geophysical survey has detected the presence of sulphide minerals, which suggests possible gold mineraisation in this area.
Jumlah liputan / Total coverage			**74**	

Pendulangan emas di Sg. Kerak, Lipis, Pahang
Gold panning at Sg. Kerak, Lipis, Pahang



Butiran emas dari Sg. Kerak, Lipis, Pahang
Gold flakes from Sg. Kerak, Lipis, Pahang

Persampelan lelubang di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan
Pit sampling at Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan



Telerang kuarza yang mengalami pemineralan di Sg. Tereg, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan
Mineralized quartz veins at Sg. Tereg, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan

Membina garisan geofizik merentasi zon beranomali emas di Sungai Malati, Kunak, Sabah
Construction of geophysical lines across the gold-anomalous zone at Sungai Malati, Kunak, Sabah

Mineral Perindustrian

Permintaan negara terhadap mineral mentah dan bahan binaan dijangka semakin meningkat, dan akan berterusan pada tahun-tahun yang akan datang. Dari sudut pandangan strategik, adalah mustahak bagi negara kita terus mengenalpasti sumber-sumber mineral perindustrian tempatan bagi memudahkan pembangunan negara. Pada masa yang sama, menggunakan sumber-sumber negara sendiri dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap mineral-mineral import.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2015 penilaian telah dijalankan ke atas beberapa jenis mineral perindustrian iaitu agregat batuan, andalusit, batu kapur, batuan silika, dolomit, lempung, dan juga pasir binaan dengan jumlah kawasan liputan 115 km^2. Kajian yang dijalankan telah mengenalpasti anggaran 214 juta tan metrik agregat batuan, 0.07 juta tan metrik andalusit, 19 juta tan metrik batu kapur, 367 juta tan metrik batuan silika, 0.8 juta tan metrik lempung, dan 23 juta tan metrik pasir binaan.

Industrial Minerals

The demand for raw minerals and construction materials is expected to increase in years to come. From the strategic point of view, it is important for the country to continue to identify local industrial mineral resources to facilitate national development. At the same time, securing the country's own resources also reduces dependence on imported minerals.

In connection with this, evaluations on several types of industrial minerals such as rock aggregate, andalusite, limestone, silica rock, dolomite, clay, as well as construction sand was carried out in 2015 with a total area coverage of 115 km^2. The study has identified 214 million tonnes of rock aggregate, 0.07 million tonnes of andalusite, 19 million tonnes of limestone, 367 million tonnes of silica rock, 0.8 million tonnes of clay, and 23 million tonnes of construction sand.

Agregat Batuan / Rock Aggregate

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Johor	Bukit Batu, Kulai	1	Anggaran rizab adalah sebanyak 214 juta tan metrik batuan granit dan diorite. Estimated reserve is 214 million tonnes of granite and diorite.

Andalusit / Andalusite

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Terengganu	Sg Parang, Cerul, Kemaman	4	Anggaran rizab adalah sebanyak 75,000 tan metrik. Estimated reserve is 75,000 tonnes.

Batu kapur / Limestone

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Sarawak	Gunung Ropih, Bau, Bahagian Kuching	7	Anggaran rizab adalah sebanyak 19.06 juta tan metrik, sesuai sebagai bahan mentah untuk penghasilan baja, kapur, kimia, dan simen. Estimated reserve is 19.06 million tonnes, suitable as a raw material in the production of fertilizers, lime, chemicals, and cement.

Batuan silica / Silica rock

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Perak	Bendang Kering, Kuala Kangsar	2	Purata SiO_2 dalam batuan kuarza adalah 97.1%. Anggaran rizab adalah sebanyak 1.2 juta tan metrik. Average content of SiO_2 in quartz rock is 97.1%. Estimated reserve is 1.2 million tonnes.
Kelantan	Lojing, Gua Musang	10	Purata SiO_2 dalam batuan kuarza adalah 98.9%. Anggaran rizab adalah 366 juta tan metrik. Average content of SiO_2 in quartz rock is 98.9%. Estimated reserve is 366 million tonnes.
Jumlah liputan Total coverage		**12**	

Dolomit / Dolomite

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Perlis	Padang Besar	12	Batuan dolomit wujud secara asosiasi/ bertompok dalam batu kapur berkalsium tinggi di kawasan Bukit Mata Ayer tetapi wujud secara oolit dan masif di kawasan Rimba Mas. Dolomite rock occurred in association/ patch in high-calcium limestone in Bukit Mata Ayer area but exist as oolith and massive in Rimba Mas area.

Lempung / Clay

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Perak	Ladang Bikam	2	Anggaran simpanan adalah 817,000 tan metrik. Estimated reserve is 817,000 tonnes.
Selangor/ WP	Bestari Jaya	4	Ketebalan lempung bebola adalah lebih kurang 5 meter. The thickness of the ball clay was approximately 5 meters.
Jumlah liputan Total coverage		**6**	

Pasir dan kelikir / Sand and gravel

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan Findings
Pahang	Temerloh	40	Anggaran rizab adalah sebanyak 22.4 juta tan metrik. Estimated reserve is 22.4 million tonnes.
Sabah	Kota Belud	33	Empat zon sesuai untuk pengambilan pasir dan batu kelikir telah dikenal pasti dengan anggaran rizab sebanyak 345,000 tan metrik. Four zones suitable for extraction of sand and gravels have been identified, with estimated reserves of 345,000 tonnes.
Jumlah liputan Total coverage		**73**	

Krista kuarza di Bendang Kering, Kuala Kangsar, Perak
Quartz crystal in Bendang Kering, Kuala Kangsar, Perak

Persampelan batuan silika di Bendang Kering, Kuala Kangsar, Perak
Sampling of silica rock in Bendang Kering, Kuala Kangsar, Perak

Persampelan pasir sungai dengan kaedah penggerimitan di Sungai Pahang, Temerloh, Pahang
River sand sampling using augering method at Sungai Pahang, Temerloh, Pahang

Longgokan pasir di sepanjang Sungai Pahang semasa kemarau
Sand dune along Sungai Pahang during drought

Photo: Rengga Gendang

Singkapan batu kapur di kawasan Gunung Ropih, Bau, Sarawak
Limestone outcrop in Gunung Ropih area, Bau, Sarawak

Photo: Rengga Gendang

Sampel Batu kapur dari kawasan Gunung Ropih, Bau, Sarawak
Limestone samples from Gunung Ropih area, Bau, Sarawak

Pasir, kelikir dan bongkah batuan di sepanjang Sg. Kadamaian, Kota Belud, Sabah
Sand, gravel and boulder along Sg. Kadamaian, Kota Belud, Sabah

Kerja-kerja persampelan pasir dan kelikir di Sg. Kedamaian, Kota Belud, Sabah
Sand and gravel sampling at Sg. Kadamaian, Kota Belud, Sabah

Mineral Tenaga

Penilaian sumber batu arang telah dilaksanakan di Sabah dan Sarawak setiap satu meliputi keluasan 80 km^2. Tujuh lipit batu arang, dengan rizab tertunjuk sebanyak 6.91 juta tan metrik, telah dikenal pasti di Gunung Luis, Tawau, Sabah. Penilaian sumber batu arang yang dijalankan di Sarawak telah berjaya menggariskan sekurang-kurangnya satu lipit batu arang di kawasan Pa' Dalih dan dua lipit batu arang di kawasan Serian.

Energy Mineral

Coal resource evaluation was carried out in Sabah and Sarawak each covering an area of 80 km^2. Seven coal seams, with an indicated reserve of 6.91 million tonnes, have been delineated in the Gunung Luis, Tawau, Sabah. Coal resource evaluation conducted in Sarawak has successfully delineated at least one coal seam in the Pa' Dalih area and two coal seams in the Serian area.

Mineral Tenaga – Batu Arang
Energy Mineral – Coal

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Darjat Rank	Penemuan Findings
Sarawak	Pa' Dalih, Bario	80	*High Volatile Bituminous*	Tujuh singkapan batu arang dengan ketebalan berjulat dari 0.10 m - 0.51 m telah dijumpai. Seven coal outcrops, ranging in thickness from 0.10 m to 0.51 m, were found.
	Melikin, Serian		*Low Volatile Bituminous*	Sebelas singkapan batu arang dengan ketebalan berjulat dari 0.10 m - 0.80 m telah dijumpai. Eleven coal outcrops, ranging in thickness from 0.10 m to 0.80 m, were found.
Sabah	Gunung Luis, Tawau	80	*High Volatile A-C Bituminous*	26 singkapan batu arang telah ditemui dengan ketebalan berjulat dari 0.15 m - 1.04 m. 26 coal outcrops, ranging in thicknesses from 0.15 m - 1.04 m, were found.
Jumlah liputan Total coverage		**160**		

Penggerudian batu arang di Melikin, Serian, Sarawak
Hand-drilling coal seam at Melikin, Serian, Sarawak

Lapisan batu arang berketebalan 0.79 m di Gunung Luis, Tawau, Sabah
A 0.79 m thick coal bed at Gunung Luis, Tawau, Sabah

Mineral Strategik

Eksplorasi Unsur Nadir Bumi Berat

Sejak tahun 2014, projek eksplorasi mineral unsur nadir bumi berat (HREE) telah dilaksanakan di empat buah negeri, iaitu di Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Terengganu. Projek ini merupakan projek usaha sama antara Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan Akademi Sains Malaysia. Projek ini bertujuan untuk mencari unsur nadir bumi beratyang terkandung dalam monazite $(Ce,La,Y,Th)PO_4$, alanit $(Ca,Ce,Th)_2(Al,Fe,Mg)_3Si_3O_{12}(OH)$, basnesit $(Ce,Th,La,Y,Ca)(CO_3)F$, euxenit $(Y,Ca,Er,La,Ce,U,Th)(Nb,Ta,Ti)_2O_6$, dan xenotim (YPO_4). Pada tahun 2015, eksplorasi hanya dijalankan di Terengganu meliputi kawasan kajian seluas 5 km² di Wakaf Tapai, Ajil.

Strategic Minerals

Heavy Rare Earth Elements Exploration

Started in 2014, heavy rare earth elements (HREE) exploration project has been conducted in four states, namely Negeri Sembilan, Pahang, Perak and Terengganu. The project is a collaborative effort between the Minerals and Geoscience Department Malaysia and the Academy of Sciences Malaysia. This project is aimed at finding heavy rare earth elements contained in monazite $(Ce,La,Y,Th)PO_4$, allanite $(Ca,Ce,Th)_2(Al,Fe,Mg)_3Si_3O_{12}(OH)$, bastnaesite $(Ce,Th,La,Y,Ca)(CO_3)F$, euxenite $(Y,Ca,Er,La,Ce,U,Th)(Nb,Ta,Ti)_2O_6$, and xenotime (YPO_4). In 2015, exploration was carried out only in Terengganu covering an area of 5 km² at Wakaf Tapai, Ajil.

Unsur nadir bumi berat
Heavy rare earth elements

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km²)	Penemuan Findings
Terengganu	Wakaf Tapai, Ajil, Kuala Berang	5	Sampel dalam proses analisis. Samples are still being analyzed.

Singkapan granit terluluhawa di Wakaf Tapai, Marang, Terengganu
Weathered granite outcrop at Wakaf Tapai, Marang, Terengganu



Aktiviti Penilaian Sumber Mineral 2015
Mineral Resource Evaluation Activities 2015

Ekonomi Mineral

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan informasi mineral dalam negara. Seperti tahun-tahun sebelumnya, pada tahun 2015 JMG telah menerbitkan lima laporan utama iaitu *Malaysian Minerals Yearbook 2014, Industrial Mineral Production Statistics and Directory of Producers in Malaysia 2014, Malaysian Mining Industry 2014, Malaysian Mineral Trade Statistics 2014* dan *Review of Mineral-Based Industries in Malaysia 2014*. Laporan tersebut telah diedarkan kepada pemegang taruh, pengusaha industri serta agensi-agensi lain yang berkaitan. Selain daripada tugas rutin ini, berdasarkan kepada survei yang telah dijalankan pada tahun 2011-2012, JMG juga telah menerbitkan laporan yang bertajuk "Iron Ore Resources Availability in Peninsular Malaysia".

Pada tahun 2015 JMG terus memberi input berkala mengenai status sektor mineral kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Di antara data yang dibekalkan adalah laporan industri perlombongan kepada Bank Negara dan Jabatan Perangkaan, laporan pengeluaran bijih timah kepada Lembaga Timah, laporan pelaburan swasta kepada MIDA, serta laporan data pengeluaran batu arang, batu kapur serta serbuk kapur kepada Malaysian Green Technology Corporation (MGTC atau dahulu dikenali sebagai Pusat Tenaga Malaysia). Antara lain, input ini bertujuan untuk pengiraan sumbangan sektor perlombongan kepada ekonomi negara oleh Bank Negara. Informasi ini juga digunakan untuk membuat formulasi imbangan tenaga negara, serta mengemaskini data inventori *greenhouse gas* (GHG) oleh Malaysian Green Technology Corporation.

Pada tahun yang sama, JMG memberi input kepada NRE berkenaan isu akibat perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang. Input JMG juga digunakan untuk formulasi perjanjian dalam mesyuarat dagangan dua hala dan kerjasama antarabangsa. Dalam hubungan ini sejumlah lima nota ikhtisar negara telah disediakan pada tahun 2015, iaitu dengan Perancis, Kazakhstan, India, Lao PDR dan China.

Mineral Economics

Minerals and Geoscience Department Malaysia is also tasked with dissemination of mineral information in the country. As in previous years, in year 2015 JMG continued to publish the Malaysian Minerals Yearbook, Industrial Mineral Production Statistics and Directory of Producers in Malaysia, Malaysian Mining Industry, Malaysian Mineral Trade Statistics and Review of Mineral-Based Industries in Malaysia. JMG distributed these reports to stakeholders, industry players and other related agencies. Apart from these routine activities, based on survey undertaken during 2011-2012, JMG has published a report entitled "Iron Ore Resources Availability in Peninsular Malaysia report".

In year 2015, JMG continued to provide periodical inputs on the status of the minerals sector to the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE), as well as to other government agencies. Among the data that were supplied were mining industry reports to the Central Bank and the Statistics Department, tin ore production reports to the Tin Board, private investment reports to MIDA, as well as coal, limestone and lime production reports to the Malaysian Green Technology Corporation (formerly known as Pusat Tenaga Malaysia). The inputs were used, among other purposes, to calculate the contribution of the mineral sector to the country's economy by the Central Bank. The information was also used in the formulation of the national energy balance and in updating greenhouse gas (GHG) inventory data by the Malaysian Green Technology Corporation.

In the same year, JMG provided input to NRE on issue caused by bauxite mining in Kuantan, Pahang. JMG's input was also used in the formulation of agreements in meetings concerned with bilateral trade and international cooperation. In this context, a total of five country briefs were prepared in 2015 i.e. France, Kazakhstan, India, Lao PDR and China.

Di peringkat ASEAN, pegawai kanan JMG telah menghadiri mesyuarat dan bengkel berikut:

i) 12th ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals (ASOMM) Working Group Meetings (Vientiane, Lao PDR)
ii) 2nd ASOMM Joint Working Group Meetings on the Asean Minerals Cooperation Action Plan (AMCAP) Phase 3 2016-2025 (Vientiane, Lao PDR)
iii) 3rd Special Task Force Meeting on ASEAN Mineral Awards (Vientiane, Lao PDR)
iv) 15th ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals (ASOMM) (Vientiane, Lao PDR)
v) 8th ASOMM + 3 (China, Japan Japan & Korea) (Vientiane, Lao PDR)
vi) 5th ASEAN Ministerial Meeting on Minerals (AMMin) (Vientiane, Lao PDR)
vii) Enhancement of Management Capacity for ASEAN Web-based Mineral Resources Database (Tsukuba, Japan and Phnom Penh, Cambodia)

JMG secara berterusan membantu dan bekerjasama dengan NRE dalam urusan berkaitan pembangunan mineral, terutamanya dalam pelan pembangunan potensi mineral di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Program Seranta Sektor Mineral dan Geosains. Pegawai JMG juga terlibat dalam penyediaan kertas strategik sektor mineral dan geosains di bawah RMKe-11. Jabatan ini adalah anggota tetap Jawatankuasa Teknikal Sumber Mineral, Jawatankuasa Persediaan Rundingan (Intergovernmental Negotiating Committee) Konvensyen Merkuri, Task Force Pasir Kebangsaan dan Industry Standards Committee (ISCW) on Occupational Safety and Health. JMG juga bekerjasama dengan Lembaga Industri Timah Malaysia dalam penganjuran *International Tin Chemical & Solder Conference & Exhibition 2015* dan terlibat dalam Projek Eksplorasi Thorium yang merupakan projek kerjasama antara JMG dan Agensi Nuklear Malaysia.

Bagi mengekalkan hubungan jabatan dengan pihak industri, pegawai JMG secara berterusan melakukan lawatan kerja ke lombong-lombong, kuari-kuari dan juga industri berasaskan mineral dalam negara untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan pembangunan dan penggunaan bahan mineral serta produk-produk hiliran berasaskan mineral yang dihasilkan. Dalam tahun 2015, beberapa sirilawatan telah dilakukan di lombong, kuari dan industri berasaskan mineral di negeri Perak, Selangor, Terengganu, Johor, Melaka, Kedah dan Pulau Pinang. Dalam tempoh yang sama JMG juga telah menerima sejumlah 56 pertanyaan berkenaan mineral dari dalam dan luar negara.

At the ASEAN level, senior officers of JMG attended the following meetings and workshops:

i) 12th ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals (ASOMM) Working Group Meetings (Vientiane, Lao PDR)
ii) 2nd ASOMM Joint Working Group Meetings on the Asean Minerals Cooperation Action Plan (AMCAP) Phase 3 2016-2025 (Vientiane, Lao PDR)
iii) 3rd Special Task Force Meeting on ASEAN Mineral Awards (Vientiane, Lao PDR)
iv) 15th ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals (ASOMM) (Vientiane, Lao PDR)
v) 8th ASOMM + 3 (China, Japan Japan & Korea) (Vientiane, Lao PDR)
vi) 5th ASEAN Ministerial Meeting on Minerals (AMMin) (Vientiane, Lao PDR)
vii) Enhancement of Management Capacity for ASEAN Web-based Mineral Resources Database (Tsukuba, Japan and Phnom Penh, Cambodia)

JMG continued to assist and cooperate with NRE in matters relating to the development of the minerals sector, especially the mineral potential development plan at Economic Corridor of East Region (ECER) and Mineral and Geoscience Sector Publicity Programme. JMG officers were also involved in the preparation of strategic paper on mineral and geoscience sectors under the Eleventh Malaysian Plan. The department is a permanent member of Intergovernmental Negotiating Committee for Mercury Convention, National Sand Task Force and Industry Standards Committee (ISCW) on Occupational Safety and Health. JMG has also cooperated with Tin Industry Board Malaysia in organizing the International Tin Chemical & Solder Conference & Exhibition 2015 and involved in Thorium Exploration Project which was a joint project between JMG and Malaysian Nuclear Agency.

To maintain good rapport with the industry, JMG officers continually made working visits to various mines, quarries and mineral-based industries in the country to collect information related to the development and utilization of minerals, as well as the production of value-added downstream mineral products. In 2015, visits were conducted at mines, quarries and mineral-based industries in Perak, Selangor, Terengganu, Johor, Melaka, Kedah and Penang. During the same period, JMG received 56 enquiries on minerals from within the country and abroad.

Lawatan ke pengeluar pinggan mangkuk hiasan SOA (M) Sdn. Bhd, Batu Gajah, Perak
Visit to tableware producer SOA (M) Sdn. Bhd., Batu Gajah, Perak

Lawatan ke Eastern Steel Sdn. Bhd., Kilang Besi bersepadu di Kemaman, Terengganu
Visit to Eastern Steel Sdn. Bhd., an Integrated Steel Mill in Kemaman, Terengganu

Penerbitan Berkaitan Mineral

Mineral-Related Publications













Laporan yang diterbitkan oleh JMG pada tahun 2015
Reports published by JMG in 2015

Khidmat Nasihat Mineral

Berbagai khidmat nasihat telah diberikan kepada pihak berkuasa negeri dan swasta berkenaan dengan ulasan guna tanah dan pembebasan mineral. Pertanyaan daripada pelanggan berkaitan maklumat mineral juga telah dilayani sama ada secara lisan atau ulasan bertulis.

Mineral Advisory Services

Various advisory services were rendered to the state authorities as well as the private sector concerning land use and mineral clearance reviews. Enquiries on mineral information from various interested sectors or individuals were attended to either verbally or in writing.

Pejabat JMG JMG Office	Jenis khidmat nasihat Type of advisory services		
	Ulasan guna tanah Land use review (bil. / no.)	Ulasan pembebasan mineral Mineral clearance review (bil. / no.)	Pertanyaan Enquiries (bil. / no.)
Ibu Pejabat / Headquaters	-	-	56
Johor	107	158	18
Melaka	-	-	-
Negeri Sembilan	108	-	10
Selangor	34	-	5
Perak	351	2	4
Kedah	27	0	6
Pulau Pinang	6	0	0
Perlis	27	0	6
Kelantan	2	16	22
Terengganu	4	50	18
Pahang	18	21	36
Sarawak	36	3	98
Sabah	50	-	-
Jumlah / Total:	**770**	**250**	**279**

Aktiviti Geosains
Geoscience Activities

Aktiviti Geosains
Geoscience Activities

Aktiviti geosains dilaksanakan untuk menyediakan maklumat geologi yang berguna dalam bidang seperti pemetaan geologi, geologi warisan, hidrogeologi, geologi kejuruteraan, geologi alam sekitar dan geologi marin. Maklumat geosains yang berkualiti serta memenuhi kehendak pemegang taruh dan pelanggan adalah input penting yang diperlukan dalam perancangan guna tanah bagi mencapai pembangunan mampan, mengurangkan risiko bencana dan memelihara alam sekitar.

Pemetaan geologi dijalankan bagi mengumpul maklumat asas geologi yang amat diperlukan dalam kerja-kerja carigali sumber mineral, perancangan guna tanah dan juga untuk menentukan kesesuaian tapak untuk pembangunan. Pemetaan warisan geologi pula dapat menilai dan memulihara tapak geologi yang berpotensi sebagai tapak warisan negara untuk dipromosikan sebagai kawasan geopelancongan serta kelestarian alam sekitar.

Maklumat hidrogeologi adalah penting dalam pengurusan sumber air tanah bagi memastikan ia dapat terus digunakan sebagai bekalan air negara, manakala maklumat pemetaan geobencana dan penilaian risiko bencana, terutamanya di kawasan perbandaran dan penempatan, amat berguna kepada pihak berkuasa tempatan dalam merancang pembangunan yang lebih sistematik.

Geoscience activities are carried out to gather useful geological information in the field of geological mapping, geological heritage, hydrogeology, engineering geology, environmental geology and marine geology. Quality geosciences information, which meets the needs of stakeholders and clients, provides vital input needed in land use planning for sustainable development, reducing the risks of disaster and protects the environment.

Geological mapping is carried out to collect basic geological information that is very much needed in the exploration of mineral resources and land use planning, as well as to determine whether a land is suitability for site development. Geological heritage mapping is carried out to assess and conserve potential geological sites as national heritage while promoting geotourism and environmental sustainability.

Hydrogeological information is important in the management of groundwater resources to ensure groundwater resource remains available for the nation's water supplies, while information from geohazard mapping and disaster risk assessment, especially in the urban and settlement areas, assiststhe local authorities in systematic development planning.

Pemetaan Geologi

Pemetaan Geologi Sempadan Negara

Sempadan Malaysia-Indonesia

Kerja-kerja pemetaan geologi sempadan iaitu Korelasi Geologi Kawasan Sintang-Silantek dengan keluasan 2300 km^2 di antara Malaysia (Sarawak) dan Indonesia (Kalimantan) telah diteruskan pada peringkat akhir. Pada tahun 2015 tumpuan diberikan kepada penyiapan laporan dan peta serta sesi penyuntingan bersama. Draf pertama laporan adalah pada 90% siap dan sedang menunggu data daripada Formasi Ketungau di sebelah Indonesia. Peta dalam format Coreldraw telah siap, usaha sedang dijalankan untuk menghasilkan peta dalam bentuk GIS.

Mesyuarat Tahunan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan Mesyuarat Kali Keenam Jawatankuasa Pemandu (SC) Kerjasama Saintifik dan Teknikal Dalam Bidang Geologi dan Sumber Mineral di antara JMG dan Agensi Geologi Indonesia (GAI) telah diadakan di Bali, Indonesia. Di Sabah, Pemetaan Geologi Sempadan telah dilaksanakan di kawasan Sebuku (Syit 7922) dengan keluasan 340 km^2.

Sempadan Malaysia-Thailand

Projek Penyiasatan Geologi Bersama Sempadan Malaysia-Thailand dilaksanakan di bawah payung *the Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Committee (MT-JGSC).* Projek ini yang melibatkan kerjasama teknikal dalam bidang geosains dan mineral di antara Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan *Department of Mineral Resources Thailand* (DMR) telah dijalankan sejak tahun 2000. Projek dijalankan bertujuan untuk menyelaraskan sempadan geologi serta korelasi unit-unit batuan di kawasan sempadan kedua-dua Negara. Semasa tahun 2015, kajian korelasi stratigrafi secara terperinci telah dijalankan bersama pihak Thai di kawasan yang telah dipetakan.

Kompilasi laporan-laporan Geologi dan sumber mineral dan kajian terperinci radiolari dalam batuan yang mengadungi radiolarian diteruskan sepanjang tahun 2015. Ianya dijangka siap pada tahun 2016.

Dua subprojek (aktiviti) telah dimulakan pada tahun 2015, iaitu:

i. Kajian-kajian kes bencana-bencana geologi (Gelongsoran tanah dan kesetabilan cerun) - akan bersambung sehingga tahun 2016
ii. Korelasi stratigrafi antara Formasi Setul dengan Kumpulan ThungSong – akan bersambung sehingga tahun 2017

Geological Mapping

Cross-Border Geological Mapping

Malaysian-Indonesian Border

The geological mapping correlation of the border area Sintang-Silantek with an area of 2300 km^2 between Malaysia (Sarawak) and Indonesia (Kalimantan) has entered the final stages. In 2015 the focus was on the preparation of reports and maps as well as joint editing sessions. The first draft of the report was 90% completed and currently waiting for data of the Ketungau Formation from the Indonesian team. The maps have been completed in CorelDraw format and would be converted to the GIS format.

Annual Meeting of the Technical Working Group (TWG) and the Sixth Meeting of The Scientific and Technical Cooperation in the Field of Geology and Mineral Resources Steering Committee (SC) between JMG and the Geological Agency of Indonesia (GAI) was held in Bali, Indonesia. In Sabah, geological cross border mapping was carried out in the Sebuku area (Sheet 7922) covering an area of 340 km^2.

Malaysia-Thailand Border

The Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Project is implemented under the umbrella of the Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Committee (MT-JGSC). The project which involves technical cooperation in the field of geoscience and minerals between Minerals and Geoscience Department Malaysia and Department of Mineral Resources Thailand is implemented since the year 2000. The project is carried out to correlate the geological boundary of rock units along the common border of both countries. During 2015, a detail study on stratigraphic correlation was jointly carried with Thai counterpart in areas which were previously mapped.

Compilation of reports on the Geology and mineral resources and also detailed study on radiolaria in radiolarian-bearing rocks along the Malaysia-Thailand border are continued during 2015. These will be completed in 2016.

Two subprojects (activities) were initiated during 2015, namely:

i. Case study on geological hazards (Landslide and slope stability) – to be continued to 2016
ii. Stratigraphic correlation between the Setul Formation and the ThungSong Group – to be continued to 2017

Pemetaan Geologi Rantau

Kerja pemetaan geologi yang dijalankan setakat ini telah meliputi 87.87% kawasan Semenanjung Malaysia, 29.12% kawasan Sabah dan 30.36% kawasan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia, pemetaan geologi yang dilaksanakan di Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu pada tahun 2015 meliputi kawasan seluas 1020 km^2. Pemetaan geologi juga telah dilaksanakan di kawasan seluas 450 km^2 di Sabah dan 460 km^2 di Sarawak.

Regional Geological Mapping

Geological mapping work conducted so far have covered 87.87% of Peninsular Malaysia, 29.12% of Sabah, and 30.36% of Sarawak. In Peninsular Malaysia, geological mapping carried out in Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang and Terengganu in 2015 have covered an area of 1020 km^2. Geological mapping was also carried out in Sabah and Sarawak covering an area of 450 km^2 and 460 km^2 respectively.

Pemetaan geologi rantau
Regional geological mapping

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan/ Catatan Findings/ Remarks
N. Sembilan	Seremban, Senawang dan Kuala Pilah	300	Pemetaan semula sempadan litologi di kawasan tanah runtuh di sekitar Rumah Rakyat Kg. Panchor, Paroi, Negeri Sembilan serta projek pemetaan Syit 103 diteruskan. Permatang kuarza yang berorientasi Timur Laut-Barat Daya telah ditemui di kawasan kajian. Remapping of lithological boundaries was carried out at the landslide area near Rumah Rakyat Kg. Panchor, Paroi, Seremban and continuation in the mapping of sheet 103. An NE-SW oriented quartz ridge was found in the study area.
Pahang	Pulau Manis	600	Penemuan: 1. Jumpaan sempadan tak selaras antara batuan filit ahli Jempul Formasi Sri Jaya dengan batuan tuf berkonglomerat Formasi Serentang Kumpulan Tembeling 2. Jumpaan singkaan batuan tuf dan volkanik Formasi Serentang di dalam kawasan yang dipetakan sebagai alluvium sebelum ini. 3. Jumpaan alluvium tua di dalam kawasan yang dipetakan sebagai Formasi Mangkin sebelum ini. 4. Jumpaan zon sesar yang ditafsirkan sebagai lanjutan arah tenggara Sesar Lebir di kawasan berhampiran IKBN Paloh Hinai. 5. Sedikit perubahan sempadan alluvium antara gambut dan lempung, lodak. Findings: 1. Discovery of unconformity boundary between phyllite of Jempol member, Sri Jaya Formation with conglomeratic tuff of Serentang Formation. 2. Discovery of tuffaceous and volcanics rock outcrop of Serentang Formation in the area previously mapped as alluvium. 3. Discovery of old alluvium outcrop in the area previously mapped as Mangkin Formation. 4. Discovery of fault zone that is interpreted as a southeast extention of Lebir Fault near IKBN Paloh Hinai. 5. A few changes of alluvium boundary between peat, silt and clay.

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km²)	Penemuan/ Catatan Findings/ Remarks
Terengganu	Paya Peda	20	Penemuan sekurang-kurangnya sepuluh spesis fosil tumbuhan Cathaysian berusia Karbon iaitu *Pecopteris* sp, *Tingia* sp, *Lepidodendron* sp, *Sigillaria* sp, *Sphenophyllum* sp, *Neurotepris* sp, *Cordaites* sp, *Lepidostrobos*, *Stigmaria* dan *Artisia horizontalis.* The discovery of at least ten species of Cathaysian plant fossils of Carbonefereous age, namely *Pecopteris* sp, *Tingia* sp, *Lepidodendron* sp, *Sigillaria* sp, *Sphenophyllum* sp, *Neurotepris* sp, *Cordaites* sp, *Lepidostrobos*, *Stigmaria* and *Artisia horizontalis*.
Kelantan	Gua Musang	100	Dilaksanakan dari Kuala Betis ke Pulai dengan 22 lokaliti dikenal pasti dan keratan rentas dibuat untuk menentukan korelasi unit batuan dalam Formasi Gua Musang. Area mapped from Kuala Betis to Pulai with 22 locations identified and cross- section made to correlate the rock units in Gua Musang Formation.
Sabah	Tamparuli	450	Mengenal pasti litologi, stratigrafi, struktur dan sempadan baru formasi Trusmadi dan Crocker. To identify the lithology, stratigraphy, structure and new boundary of Trusmadi and Crocker formations.
Sarawak	Bario, Miri	460	Pemetaan geologi kawasan Bario (Lembar 7220) pada skala 1:50000 telah disiapkan. The geological mapping of Bario area (Sheet 7220) at a scale of 1:50000 have been completed.
Jumlah Liputan **Total Coverage**		**1930**	



Status Pemetaan Geologi Semenanjung Malaysia 2015

Status of Geological Mapping Peninsular Malaysia 2015



Status Pemetaan Geologi Sarawak 2015

Status of Geological Mapping Sarawak 2015



Status Pemetaan Geologi Sabah 2015

Status of Geological Mapping Sabah 2015

Geologi Warisan

Kajian warisan geologi telah dijalankan bagi memastikan khazanah alam semulajadi yang sangat berharga dapat dipulihara bagi tatapan generasi akan datang. Menerusi kajian ini, konsep tapak terpelihara, monumen geologi, taman geologi dan lanskap berpemandangan indah dapat diperkenalkan kepada orang awam. Kajian kebolehlaksanaan bagi tapak warisan geologi telah dijalankan di tapak-tapak terpilih bagi cadangan penarafan sama ada sebagai geotapak, tapak warisan geologi kebangsaan atau geopark.

Sebanyak 22 ulasan permohonan lesen melombong pasir laut di bawah Seksyen 4 Akta Pelantar Benua 1966 (Disemak 1972) oleh pelbagai syarikat telah dikemukakan kepada JKPTG. Beberapa siri mesyuarat One Stop Center telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Unit Geologi Marin sepanjang tahun 2015. Permohonan tersebut melibatkan perlombongan pasir laut di kawasan lepas pantai di Kedah, Johor, Labuan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Selangor.

submission to the CLCS, United Nations and also provide knowledge to all junior officers from various government agencies.

A total of 22 applications from various companies to obtain offshore sand mining license, under Section 4 Continental Shelf Act 1966 (Revised 1972), were reviewed for the Department of Director-General Land and Mines (JKPTG). One Stop Center meetings held at JKPTG for the application of mining license were attended by officers from Marine Geology Unit. The applications involved sand mining in offshore waters of Kedah, Johor, Labuan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang and Selangor.

Pemetaan pantai untuk Projek Kajian Sumber Pasir Laut Negara Fasa III
Coastal mapping for the National Offshore Sand Resource Study Project Phase III



Garis survei geofizik Projek Kajian Sumber Pasir Laut Negara Fasa III di Lepas Pantai Pahang
Geophysical survey lines of National Offshore Sand Resource Study Phase III, offshore Pahang



Lokasi persampelan teras bagi Kajian Tumbesaran dan Kematian Kerang di Tapak Ternakan Kerang di Selangor

Core sampling locations for The Study of Cockle Growth and Death at Cockle Farm, Selangor



Persampelan teras dilaksanakan bagi Kajian Tumbesaran dan Kematian Kerang di Tapak Ternakan Kerang di Selangor

Core sampling executed during The Study of Cockle Growth and Death at Cockle Farm offshore Selangor

Survei Geologi Marin Marine Geological Survey										
Kajian Study	Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Jenis Pemetaan Type of Mapping	Geofizik Geophysics	Sampel Sampling	Analisa Analysis			Catatan Remarks
							Saiz Butiran/ Karbonat/ Organik Grain Size/ Carbonate/ Organic	Geokimia Geochemistry	QME QME	
Survei Geofizik bagi Projek Kajian Sumber Pasir Laut Negara Fasa 3 (NOSRS3) Geophysical Survey for National Sand Resources Study Phase 3	Pahang	Lepas Pantai Pahang Offshore Pahang.	20, 839	Sumber pasir laut	3,000 km-garis (Seismos, Sonar Imbasan Sisi dan batimetri) Seismic, side scan sonar and bathymetry	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Semua data telah dianalisa dan dibuat interpretasi. All data were analyzed and interpreted.
Kajian Tumbesaran dan Kematian Kerang di Tapak Ternakan Kerang di Selangor. The Study of Cockle Growth and Death at Cockle Farm offshore Selangor	Selangor	Perairan Selangor Selangor Waters	225	Persampelan teras sedimen Sediment core sampling	Tiada	61 sampel teras 61 core samples	183	142	Tiada	Semua data telah dianalisa dan dibuat interpretasi. All data were analyzed and interpreted.

Penilaian Sumber Geoterma

Tenaga geoterma ialah tenaga yang wujud dalam bentuk haba di bawah permukaan bumi. Ia boleh digunakan untuk menjana kuasa elektrik dan juga rekreasi. Penggunaan tenaga geoterma sebagai sumber tenaga boleh baharui masih lagi baharu di negara kita. Janakuasa geoterma pertama Malaysia terletak di Apas Kiri Tawau, Sabah yang sedang dibangunkan oleh Tawau Green Energy. Ia akan menjanakan sebanyak 30 MW tenaga elektrik untuk kegunaan kawasan sekitarnya.

JMG telah dilantik oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) sebagai agensi pelaksana kajian untuk Projek Penilaian Sumber Geoterma di Ulu Slim, Perak. Projek yang bermula pada 1 September 2013 dijangka akan siap sepenuhnya pada 30 April 2016.

Pada tahun 2015, aktiviti penilaian sumber geoterma juga telah dijalankan di kawasan Sungai Malati – Sungai Mantri, Ulu Kalumpang, Kunak, Sabah meliputi kawasan seluas 100 km^2.

Geothermal Resource Assessment

Geothermal energy is the energy that exists in the form of heat beneath the earth's surface; it can be used for the generation of electrical power and also for recreation. At the time of writing, the use of geothermal energy as a renewable energy source is still new in our country. The first geothermal power plant in Malaysia is located in Apas Kiri Tawau, Sabah. It would generate around 30 MW of electricity for use in the surrounding areas.

JMG was appointed by Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia as the implementing agency for the Geothermal Resource Assessment Project at Ulu Slim, Perak. The project which began on 1st September, 2013 was expected to be completed by 30th April, 2016.

In 2015, geothermal resource assessment activities were also carried out around Sungai Malati – Sungai Mantri, Ulu Kalumpang, Kunak, Sabah covering an area of 100 km^2.

Penilaian sumber geoterma
Geothermal resource assessment

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km^2)	Penemuan / Catatan Findings / Remarks
Perak	Ulu Slim	75	10 lokasi mata air panas telah ditemui. Kajian geologi, geofizik dan geokimia telah dilaksanakan. Analisis usia batuan dan isotop masih dalam proses. 10 hot springs have been identified. Geology, geophysics and geochemistry studies were conducted. Age dating and isotope analysis are still in the process.
Sabah	Sg. Malati-Sg. Mantri, Ulu Kalumpang, Kunak	100	Mengenal pasti reservoir bersaiz 8.3 km^2. Identified reservoir of approximately 8.3 km^2 in size.
Jumlah / Total:		**175**	

Photo: Mohd. Shahrizal Mohamed Sharifodin

Pembinaan stesen cerapan hujan dan persampelan air bagi Projek Penilaian Sumber Geoterma di Ulu Slim, Perak
Construction of rain observation and water sampling station for Geothermal Resource Assessment Project at Ulu Slim, Perak

Photo: Mohd. Shahrizal Mohamed Sharifodin

Persampelan isotop air panas, air hujan, air tanah dan air sungai di Ulu Slim, Perak
Isotope sampling from hotspring, groundwater and river at Ulu Slim, Perak

Khidmat Nasihat Geosains

JMG secara aktif memberi khidmat perundingan dan nasihat kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan individu dalam aspek ulasan pembangunan guna tanah berserta maklumat geosains seperti hidrogeologi dan geologi kejuruteraan.

Khidmat nasihat hidrogeologi termasuk penyediaan ulasan dalam permohonan pelesenan air tanah dan air tanah sebagai sumber air mineral semulajadi serta potensi penggunaan air tanah untuk tujuan pertanian, industri dan domestik. JMG adalah ahli tetap di dalam Jawatankuasa Penggunaan Sumber Air Peringkat Negeri, Jawatankuasa Kelulusan Pembungkusan Sumber Air Semulajadi dan Jawatankuasa Pelesenan Sumber Air Bumi.

Khidmat nasihat geologi kejuruteraan dan pembangunan guna tanah pula merangkumi aspek perancangan pembangunan bandar baru, penjajaran jalan dan perancangan guna tanah. Jabatan ini terlibat di dalam beberapa jawatankuasa peringkat negeri berkaitan dengan geobencana, seperti Jawatankuasa Perancangan Negeri, Jawatankuasa Bencana Negeri, Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar serta Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit.

Geoscience Advisory Services

JMG also provides consultative and advisory services to government agencies, the private sectors and individuals on aspects regarding land use planning reviews and geoscience information such as hydrogeology and engineering geology.

Hydrogeology advisory services include providing reviews on groundwater licence applications and groundwater as a natural mineral water resource and assessment of the potential of groundwater for agriculture, industrial and domestic usage. JMG is a permanent member of the State Water Consumption Committee, Natural Water Resource Packaging Approving Committee and Groundwater Resource Licensing Committee.

Engineering geology and land use advisory services includes new township development planning, road alignment and land use planning. The department is also involved at several state level committees related to geodisasters, such as the State Planning Committee, State Disaster Committee, Environmentally Sensitive Area Committee, as well as Highland and Foothill Development Committee.

JMG secara aktif memberi khidmat nasihat dan juga menawarkan input geologi untuk cadangan pembangunan kepada PBT menerusi Pusat Setempat (OSC). Jabatan juga menyediakan ulasan teknikal kepada pihak swasta dan pemaju. Pada tahun 2015, sebanyak 6160 ulasan OSC telah dikeluarkan.

JMG also provides advisory services and offers geological input on proposed developments to local authorities through One Stop Centres (OSC). It also provides technical reviews to the private sectors and property developers. In 2015, a total of 6160 OSC reviews were issued

Ulasan pembangunan tanah dan maklumat geosains am
Review of land development and general geosciences information

Negeri / State	Jenis Ulasan / Type of Reviews		
	Pusat Setempat One Stop Centre (OSC) (bil. / no.)	Pembangunan guna tanah Land use development (bil. / no.)	Maklumat geosains am General geoscience information (bil. / no.)
Ibu Pejabat	0	0	0
Johor	1082	0	74
Kedah	303	6	3
Kelantan	112	15	1
Melaka	334	0	0
N. Sembilan	428	0	0
Pahang	781	14	131
Perak	456	0	12
Perlis	25	9	2
Pulau Pinang	105	37	7
Sabah	0	0	6
Sarawak	0	36	0
Selangor / WP	1598	27	15
Terengganu	936	16	8
Jumlah / Total:	**6160**	**151**	**259**

Khidmat nasihat hidrogeologi
Hydrogeology advisory services

Negeri State	Bil. ulasan No. of reviews	Catatan Remarks
Perak	4	i. Irfa Consult Sdn Bhd (Kontraktor PLUS Malaysia) ii. Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan Al Quran, Kg. Ulu Kenderong, Gerik iii. Pusat Latihan Pertanian Lekir, Setiawan, Perak iv. Chalet Pak Ya, Teluk Senangin, Lumut, Perak
N. Sembilan	28	Menyediakan ulasan teknikal bagi tujuan permohonan baru dan pembaharuan lesen pengeluaran air tanah kepada Badan Kawal Selia Air (BKSA). Memberi khidmat nasihat berkaitan potensi air tanah serta memberi cadangan pembangunan air mineral kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan. Provided technical reviews on new applications and renewal of groundwater abstraction licence for Badan Kawal Selia Air (BKSA). Provided technical advice regarding groundwater potential and proposed development of mineral water to government agencies, the private sectors, and individuals.
Melaka	13	Menyediakan ulasan teknikal bagi tujuan permohonan baru dan pembaharuan lesen pengeluaran air tanah kepada Badan Kawal Selia Air (BKSA). Memberi khidmat nasihat berkaitan potensi air tanah serta memberi cadangan pembangunan air mineral kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan. Provided technical reviews on new applications and renewal of the groundwater abstraction licence for Badan Kawal Selia Air (BKSA). Provided technical advice regarding groundwater potential and proposed development of mineral water to government agencies, the private sectors, and individuals.
Pahang	4	Khidmat nasihat, lawatan tapak dan ulasan permohonan perakuan perlesenan air mineral daripada KL Water Specialist (M) Sdn. Bhd., Borneo Spring Sdn. Bhd., Syarikat Perniagaan Tasnim dan TMG Water Sdn. Bhd. Advisory services, site visits and mineral water licensing certification reviews from KL Water Specialist (M) Sdn Bhd, Syarikat Perniagaan Tasnim and TMG Water Sdn Bhd.
Sabah	6	Cadangan pembangunan telaga tiub bagi kawasan kritikal bekalan air dan sekitar kawasan yang terjejas akibat gempa bumi. Proposed development of tubewells for water stress areas affected by the earthquake.
Jumlah / Total:	**55**	

Khidmat nasihat geologi kejuruteraan
Engineering geology advisory services

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Perak	10	Khidmat nasihat kepakaran terutama terhadap cadangan pembangunan di sekitaran bukit batu kapur dan hal-hal berkaitan geologi. Expert advisory services, especially for the proposed development in the vicinity of limestone hills and on geological matters.
Selangor/ Wilayah Persekutuan	3	Khidmat nasihat geologi dalam kajian kestabilan cerun di makam Sultan Abdul Samad di Bukit Jugra, Banting, pembinaan kilang membuat kipas kapal terbang di Bukit Sentosa dan pembinaan Kem Kejuruteraan di Bandar Kuala Kubu Bharu. Geological advisory services on slope stability assessment at Sultan Abdul Samad cemetry at Bukit Jugra, Banting, construction of airplane propeller factory at Bt.Sentosa and construction of engineering camp at Kuala Bubu Bharu.
Johor	4	Khidmat nasihat berkenaan permohonan kebenaran merancang dan pelan kerja tanah projek pembangunan. Advisory services regarding applications on planning permission and work plan for land development projects.
Pahang	122	Khidmat nasihat berkaitan cadangan pembangunan kawasan, perancangan kerja tanah, pembukaan tanah, semakan kecerunan serta aspek kesesuaian pembinaan kawasan cadangan pembangunan. Advisory services related to the proposed development area, earthwork planning, land clearing, checking the suitability of the slope and aspect of the proposed development area.
Jumlah / Total:	**139**	

Khidmat Nasihat Lain

Di Pahang, khidmat nasihat perakuan dan pengesahan batuan granit untuk kegunaan program tebatan banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang kepada 3 syarikat iaitu Balok Pine Ent., MMN Bina Sdn. Bhd. and Khazanah Bahtera Sdn. Bhd.

Other Advisory Services

In Pahang, advisory services for verification and certification of granite rocks for Drainage and Irrigation Department (JPS) for the Pahang flood mitigation programme to 3 companies, namely Balok Pine Ent., MMN Bina Sdn. And Khazanah Bahtera Sdn. Bhd.

Aktiviti Lombong & Kuari
Mine & Quarry Activities

Aktiviti Lombong & Kuari
Mine & Quarry Activities

Kawalseliaan & Penguatkuasaan

Antara fungsi utama jabatan ini adalah untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti perlombongan, pengkuarian dan yang berkaitan dijalankan dengan selamat dan efisien, serta memenuhi piawaian alam sekitar dan amalan kejuruteraan terbaik. Selain daripada membuat pemeriksaan yang kerap ke atas operasi perlombongan dan pengkuarian, jabatan ini juga ditugaskan untuk pengeluaran kelulusan operasi dan lesen, serta menyediakan khidmat nasihat dan pakar.

Aktiviti-aktiviti seperti pemeriksaan lombong yang dijalankan oleh jabatan bergantung kepada tahap kerancakan industri perlombongan negara. Walaupun angka pengeluaran perlombongan di Malaysia menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2015 berbanding dengan tahun sebelum, industri ini berjaya mengekalkan tahap kerancakan aktiviti yang tinggi.

Monitoring & Enforcement

Among the primary functions of the department is to ensure that mining, quarrying and related activities are carried out safely and efficiently, and that they conform to environmental standards and best engineering practices. Besides frequent inspections of mine and quarry operations, the department is also tasked with the issuance of operational approvals and licences and providing advisory and expert services.

Activities like mine inspections carried out by the department depend to an extent on the vibrancy of the country's mining industry. Even though mining production figures in Malaysia showed a slight decline in 2015 as compared with the previous year, the industry managed to maintain a high level of activity.

Pemeriksaan Teknikal Operasi Lombong dan Kuari

Pemeriksaan teknikal operasi perlombongan, pengkuarian dan pemprosesan mineral telah dijalankan bertujuan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat lesen atau kelulusan yang berkaitan dengan keselamatan dan perlindungan alam sekitar. Jabatan ini juga menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan lapangan yang merupakan sebahagian daripada pra-syarat untuk penyediaan laporan yang berkaitan dengan permohonan tenemen mineral, kelulusan kerja peletupan, aduan serta kejadian kemalangan di lombong dan kuari.

Pada tahun 2015, sebanyak 4612 pemeriksaan teknikal telah dijalankan, yang meliputi 1111 pemeriksaan ke atas operasi perlombongan, 2192 pemeriksaan ke kuari, 502 pemeriksaan kilang amang (hasil sampingan perlombongan bijih timah) dan loji pemprosesan mineral, serta 381 pemeriksaan ke atas urus niaga pemegang lessen bijih mineral dan emas mentah.

Tambahan kepada pengawalseliaan ke atas kerja peletupan yang dijalankan di lombong dan kuari, pihak jabatan juga dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu menilai serta memantau kerja-kerja peletupan yang dijalankan dalam kawasan pembangunan. Kerja perletupan untuk 403 projek pembangunan telah diperiksa dan dinilai sepanjang tahun ini.

Technical Inspection of Mine and Quarry Operations

Technical inspections of mining, quarrying and mineral processing operations were conducted to ensure compliance with the conditions stipulated in the licences or approvals with regard to safety and the protection of the environment. The department also carried out field inspections and investigations, a prerequisite for the preparation of reports pertaining to applications for mineral tenements, blasting works approvals, complaints, and mine or quarry accidents.

In 2015, a total of 4612 technical inspections were carried out, covering 1111 inspections on mining operations, 2192 on quarries, 502 on amang (a tin mining by-product) and mineral processing plant operations, and 381 on mineral ores and raw gold licence holders.

In addition to the supervision of blasting works carried out in mines and quarries, the department was also referred to by the Local Authorities for assistance in the evaluation and monitoring of blasting activities in areas undergoing development. Blasting works in 403 developmental projects were assessed and evaluated during the year.

Pemantauan dan Kawalseliaan Aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian

Pemantauan dan penyeliaan aktiviti perlombongan dan kuari bertujuan untuk memastikan aktiviti ini dijalankan dengan teratur, bersistematik, mengikut amalan kejuruteraan terbaik dan mematuhi peruntukan perundangan. Aspek keselamatan operasi perlombongan berada di bawah bidang kuasa Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen atau Ordinan Perlombongan Negeri, manakala operasi kuari dikawal selia oleh Peraturan Kuari Negeri.

Operasi perlombongan dan pengkuarian lazimnya memberi kesan kepada alam sekitar. Oleh itu, adalah penting operasi tersebut melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk menangani kemungkinan pencemaran terhadap air dan udara serta kesan gegaran bumi dan ledakan udara (bunyi bising) akibat kerja peletupan. Justeru itu bagi memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dijalankan dengan baik, kerja pemantauan berkala senantiasa dilakukan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 47 kerja ukur tanah sempadan dan cerun, serta 735 pemantauan gegaran peletupan telah dijalankan. Selain daripada itu, sepanjang tahun 2015 jabatan juga telah menjalankan sebanyak 367 persampelan efluan lombong.

Walaupun perhatian telah diberikan kepada aspek keselamatan oleh Jabatan sepanjang tahun, jabatan telah menyediakan sebanyak 7 laporan kemalangan. Pada masa yang sama, jabatan turut menerima aduan daripada orang awam dan media massa samada secara bertulis atau lisan. Hasil siasatan jabatan ke atas 123 aduan, 75 perintah dan arahan telah dikeluarkan kepada pelombong dan pengusaha kuari yang ingkar.

Monitoring and Supervision of Mining and Quarrying Activities

Monitoring and supervision of mining and quarrying activities ensures that these activities are carried out orderly and systematically in accordance with the best engineering practices and in compliance with the provisions of the laws and regulations. Safety aspects of mining operations come under the purview of the Mineral Development Act 1994 and State Mining Enactments or Ordinances while quarry operations are regulated by State Quarry Rules.

Mine and quarry operations inevitably have an impact on the environment. Therefore, it is important for such operations to implement necessary measures to mitigate potential water and air pollution as well as the impact of ground vibration and air blast (noise) due to blasting. Thus, to ensure that mine and quarry activities are carried out properly, periodic monitoring is conducted. In 2015, a total of 47 survey works on land boundary and slope, and 735 monitoring exercises on vibration and blasts were carried out. Besides that, 367 mine effluent samplings were also undertaken by the department throughout the year.

Despite the attention given to safety aspects year-round, there were 7 accidents for which reports were written by the department. At the same time, the department also received written or verbal complaints from the public and mass media. Following the department's investigation into 123 complaints, 75 orders and instructions were issued to errant miners and quarry operators.

Pelesenan

Di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 (APM), pemegang pajakan melombong hendaklah mengemukakan dan mendapatkan kelulusan bagi suatu skim pengendalian melombong daripada Pengarah Galian sebelum sebarang operasi pembangunan atau perlombongan bermula. Pada tahun 2015, jabatan telah meluluskan sebanyak 171 Skim Pengendalian Melombong di bawah APM, dan telah mengeluarkan 171 Surat Kebenaran Pengkuarian di bawah Peraturan Kuari Negeri.

Lesen Bijih Mineral dan Lesen Pembeli Emas yang dikeluarkan di bawah Enakmen Bijih Mineral dan Enakmen Pembeli Emas Mentah membenarkan pemegangnya untuk membeli, menjual, menyimpan dan memproses bijih mineral dan emas mentah masing-masing. Lesen-lesen ini dikeluarkan secara tahunan dan mereka luput pada akhir setiap tahun kalender. Sejumlah 232 Lesen Bijih Mineral, 7 Lesen Pembeli Emas Mentah dan 205 Permit Mengangkut Bijih Padat Timah telah dikeluarkan pada tahun 2015.

Adalah menjadi objektif jabatan untuk memastikan semua kerja peletupan di lombong, kuari dan juga projek pembangunan lain di bawah kawalseliaan jabatan dijalankan dengan selamat. Oleh itu, jabatan telah menjalankan Ujian Pembedil Amali untuk calon yang telah lulus Peperiksaan Pembedil Teori. Hanya calon yang telah lulus kedua-dua ujian akan dikeluarkan Sijil Pembedil sebagai pembedil berkelayakan dan dibenarkan menjalankan kerja peletupan. Pada tahun 2015, pihak jabatan telah menjalankan sebanyak 33 Ujian Amali Pembedil, dan telah mengeluarkan sebanyak 33 Sijil Pembedil baru. Jabatan juga telah memperbaharui 111 sijil kepada pemohon yang layak.

Sebahagian daripada mineral yang dihasilkan di negara ini dieksport ke luar negara. Bagi tujuan mengeksport bahan mineral dan batuan, pengekspot perlu mempunyai permit eksport yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Satu laporan penilaian teknikal yang disediakan oleh JMG perlu disertakan untuk setiap permohonan. Pada tahun 2015, sebanyak 523 dan 1426 laporan penilaian teknikal telah disediakan bagi eksport mineral dan bahan batuan masing-masing.

Licensing

Under the Mineral Development Act 1994 (MDA), a mining lease holder needs to submit and obtain approval from the Director of Mines for an operational mining scheme before any development or mining commences. In 2015, the department approved a total 171 Operational Mining Schemes under the Mineral Development Act 1994, and issued 171 Letters of Authority to Quarry under the state Quarry Rules.

The Mineral Ores and Gold Buyers Licences issued under the Mineral Ores Enactment and Gold Buyers Enactment authorise licence holders to buy, sell, store, and treat mineral ores and raw gold respectively. These licences are issued annually and they expire at the end of each calendar year. A total of 232 Mineral Ore Licences, 7 Raw Gold Buyers Licences, and 205 Tin Ore Concentrate Transport Permits were issued in 2015.

It is the objective of the department to ensure that all blasting works in mines, quarries, and other development projects under the supervision of the department are carried out in a safe manner. Thus, the department conducted Shotfirer Practical Tests for candidates who had passed the Shotfirer Theory Examination. Only candidates who had passed both tests were issued Shotfirer Certificates as qualified shotfirers and allowed to carry out blasting work. In 2015, the department conducted 33 Shotfirer Practical Tests, and issued a total of 33 new Shotfirer Certificates. The department also renewed 111 certificates to qualified applicants.

Some of the minerals produced in the country are exported. For the purpose of exporting minerals and rock material, an exporter needs to have an export permit issued by the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE). A technical assessment report prepared by JMG has to be attached to each application. In 2015, a total of 523 and 1426 technical assessment reports were prepared for the export of minerals and rock material respectively.

Khidmat Nasihat dan Kepakaran

Selain daripada menjalankan penguatkusaan undang-undang dan pemantauan operasi perlombongan/ pengkuarian, jabatan juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat dan kepakaran kepada Pihak Berkuasa Negeri, industri dan juga orang ramai. Sebagai sebuah jabatan teknikal, Pihak Berkuasa Negeri kerap merujuk permohonan-permohonan berkaitan tanah lombong, tapak kuari dan lain-lain bagi mendapatkan pandangan dan perakuan teknikal sebelum sesuatu keputusan dibuat. Pada tahun 2015, jabatan telah menyediakan sebanyak 242 laporan bagi Perakuan Permohonan Carigali/ Pajakan lombong. Manakala bagi permohonan tapak kuari, sebanyak 45 laporan telah disediakan kepada pihak berkuasa negeri.

Jabatan juga terlibat dalam menyediakan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Sebanyak 47 laporan EIA yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengkuarian telah diulas. Di samping itu, 540 laporan pembebasan mineral telah dikeluarkan oleh jabatan yang bertujuan membantu pihak berkuasa membuat keputusan peranangan yang lebih baik untuk mengelakkan pemajiran enapan mineral. Selain itu, jabatan juga telah menerima sebanyak 1904 pertanyaan berkaitan aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Lapan surat perakuan Laporan Magazin Letupan telah disediakan pada tahun 2015.

Advisory and Expertise Services

Apart from the enforcement and monitoring of the mining/ quarrying operations, the department's duties include the rendering of advisory technical services to the State Authorities, industry, and also to the public. Being a technical department, State Authorities frequently refer to this department for comments and assessment on applications for mining land, quarries, and other legal aspects before decisions were taken. In 2015, the Department prepared a total of 242 reports on applications for prospecting and mining rights. With regard to applications for quarries, 45 technical reports were prepared and sent to various State Authorities.

The department was also involved in preparing Environmental Impact Assessment (EIA) Reports. It made comments on 47 of the EIA reports based on mining and quarrying proposals. In addition, 540 Mineral Clearance reports were prepared to assist the relevant authority make better planning decisions and to avoid sterilization of mineral deposit. Apart from that, the department also received a total of 1904 enquiries on mine and quarry activities. Eight reports on Explosives Magazines were prepared in 2015.

Aktiviti-aktiviti lain

Pihak jabatan juga menjalankan dialog, seminar dan pameran bagi meningkatkan kesedaran pihak awam terhadap industri mineral serta juga sebagai wadah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Sebanyak 42 seminar/ dialog/ pameran telah dibuat pada tahun 2015.

Other Activities

Dialogues, seminars, and exhibitions were conducted by the department to increase public awareness of the mineral industry as well as to resolve issues and problems faced by the public pertaining to mining and quarrying activities. A total of 42 seminars/ dialogues/ exhibitions were conducted in 2015.

Senarai Aktiviti Pembangunan Lombong & Kuari Dalam Tahun 2015
List of Mine & Quarry Development Activities in 2015

	Johor	Negeri Sembilan	Kelantan	Selangor	Perak	Kedah	Perlis	Pulau Pinang	Melaka	Terengganu	Pahang	Sarawak	Sabah	Jumlah
Pemeriksaan Teknikal Operasi Lombong dan Kuari / Technical Inspection of Mine & Quarry Operations														
Pemeriksaan teknikal operasi lombong / Mining operation technical inspection	104	12	151	24	246	47	0	0	0	83	422	22	0	**1111**
Pemeriksaan teknikal operasi kuari / Quarrying operation technical inspection	157	86	87	624	598	49	20	203	8	39	269	10	42	**2192**
Pemeriksaan teknikal operasi kilang amang /loji pemprosesan mineral / Amang plant / mineral processing plant operations technical inspection	52	1	0	12	117	8	0	6	2	0	301	3	0	**502**
Pemeriksaan teknikal tapak peletupan (selain kuari) / Technical inspection of blasting sites (other than quarries)	14	3	0	200	13	11	5	140	0	0	0	5	12	**403**
Pemeriksaan teknikal kawasan carigali / Technical inspection of exploration areas	0	6	17	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**23**
Pemeriksaan buku urusniaga mineral (termasuk kedai bijih / kedai emas) / Account books inspection on mineral dealings (including tin ore dealer / gold dealer)	24	0	5	18	75	12	0	10	0	0	237	0	0	**381**
														4612
Pemantauan dan Kawalselia Aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian / Monitoring of Mining & Quarrying Activities														
Persampelan efluen lombong Mine effluent sampling	0	0	11	0	172	35	0	0	0	0	145	1	3	**367**
Siasatan aduan / Complaint investigation	16	3	5	15	14	1	0	18	0	4	40	2	5	**123**
Perintah dan arahan Orders and instructions	6	0	1	5	18	1	0	1	0	1	40	2	0	**75**
Kompaun / Compounds	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Laporan kemalangan lombong dan kuari Mining and quarrying accident reports	0	0	3	2	0	0	0	1	0	0	0	1	0	**7**

	Johor	Negeri Sembilan	Kelantan	Selangor	Perak	Kedah	Perlis	Pulau Pinang	Melaka	Terengganu	Pahang	Sarawak	Sabah	Jumlah
Kerja ukur tanah sempadan dan cerun Survey works on land boundary and slope	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	47	0	0	**47**
Kerja ukur gegaran/habuk/kebingitan dan pemantauan peletupan Vibration and blast monitoring	26	9	13	157	230	3	2	250	0	5	35	2	3	**735**
Pelesenan / Licensing														
Skim Pengendalian Melombong Operational Mining Scheme	16	3	16	2	24	7	0	0	0	16	76	11	0	**171**
Surat Kebenaran Pengkuarian Letter of Authority to Quarry	0	20	1	26	78	0	0	0	0	14	32	0	0	**171**
Lesen Bawah Tanah / Underground Licence	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Lesen Air Tahunan / Negeri/ Permit Air Annual /State Water Licence/Water Permit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Lesen Membeli Emas Mentah Gold Buyers Licence	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	6	0	0	**7**
Lesen Bijih Mineral Mineral Ores Licence	32	0	0	19	56	12	0	9	0	0	104	0	0	**232**
Permit Mengangkut Bijih Padat Timah Tin Ore Concentrate Transport Permit	20	0	1	4	162	2	0	0	0	0	16	0	0	**205**
Laporan penilaian teknikal eksport mineral Technical assessment report for mineral export	230	44	32	100	19	8	0	28	0	35	0	27	0	**523**
Laporan teknikal perakuan eksport bahan batuan / Technical assessment report for rock material export	398	0	11	260	403	260	0	5	0	9	0	30	50	**1426**
Permit Letupan / Blasting Permit	2	6	0	0	2	22	17	5	0	1	3	0	0	**58**
Laporan perakuan magazin letupan Report for explosives magazine approval	2	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	2	**8**
Pengeluaran / pembaharuan Sijil Pembedil Issuance / renewal of Shot Firer Certificate	7	12	4	10	23	10	3	12	0	3	5	11	11	**111**

	Johor	Negeri Sembilan	Kelantan	Selangor	Perak	Kedah	Perlis	Pulau Pinang	Melaka	Terengganu	Pahang	Sarawak	Sabah	Jumlah
Lencongan sungai / River diversion	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Ujian pengurus lombong/kuari Test for mine / quarry managers	0	0	6	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Ujian amali pembedil Shot firer practical test	3	7	0	3	3	3	3	0	0	0	3	8	0	**33**
Khidmat Nasihat dan Kepakaran / Advisory and Professional Services														
Ulasan laporan EIA EIA report review	3	1	0	2	2	0	0	0	0	0	0	2	37	**47**
Laporan permohonan lesen carigali / pajakan / Prospecting and mining lease application report	0	7	37	5	13	6	0	0	0	40	131	3	0	**242**
Laporan permohonan tanah kuari Quarry land application report	11	1	0	2	16	0	0	0	0	3	8	3	1	**45**
Laporan pembebasan mineral Mineral clearance report	0	0	7	20	205	5	3	0	0	17	280	3	0	**540**
Lain-lain laporan teknikal untuk agensi lain Miscellaneous technical report for other agencies	62	10	3	5	55	40	10	90	0	0	8	8	135	**426**
Pertanyaan mengenai maklumat lombong /kuari / Enquiries on mining / quarrying information	270	15	82	11	45	37	5	23	0	9	1253	73	81	**1904**
Lain-lain / Others														
Seminar / Dialog / Pameran Seminar / Dialogue / Exhibition	11	1	0	1	8	1	1	2	0	0	10	3	4	**42**

Penyelidikan & Pembangunan
Research & Development

Penyelidikan & Pembangunan
Research & Development

Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) merupakan bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia.

Objektif PPM adalah:

- Untuk menggalak dan mempelbagai penggunaan sumber mineral tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan sektor perindustrian negara melalui R&D
- Untuk menggalak pengusahahasilan sumber mineral secara mapan melalui R&D

Antara fungsi PPM ialah:

- Menjalankan R&D berasaskan mineral tempatan supaya dapat menghasilkan bahan mula dan bahan tambah nilai untuk digunakan oleh industri
- Membangun teknologi pemprosesan mineral dan kitar semula yang bersesuaian
- Menjalankan penyelidikan bersama Institusi Pengajian Tinggi, agensi R&D yang lain serta pihak industri dalam bidang mineral
- Mengkomersil hasil R&D yang signifikan melalui pemindahan teknologi kepada pihak yang berminat
- Berperanan sebagai penasihat dan pusat rujukan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan mineral tempatan
- Menjalankan R&D berkaitan pengusahahasilan mineral, impak alam sekitar dan pemulihan serta menyediakan perkhidmatan sokongan kepada jabatan dalam menangani masalah yang berkaitan

The Mineral Research Centre (PPM) is the research and development (R&D) arm of the Minerals and Geoscience Department (JMG)

The objectives of PPM are:

- To encourage and diversify use of local mineral resources so as to contribute towards the development of the country's industrial sector through R&D
- To encourage the development of mineral resources in a sustainable manner through R&D

Among its functions are:

- To carry out R&D on local minerals in order to produce starting and value added materials for industrial use
- To develop suitable mineral processing and recycling technologies
- To carry out collaborative research with institutes of higher learning, other R&D agencies and industries in the field of minerals
- To commercialise significant R&D results through technology transfer to interested parties
- To assume advisory role and act as a reference centre in areas related to research in local minerals
- To undertake R&D in mineral extraction, environmental impact and rehabilitation as well as providing support services to the department in overcoming related problems

Teknologi Berasaskan Lempung
Clay-Based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	Teknologi penghasilan jasad seramik teknikal kalis nyala	Kesemua lima jasad seramik yang direkabentuk adalah sesuai untuk menghasilkan produk-produk "anti-thermal shock". Satu jasad jenis porselin keras, yang mempunyai nilai pekali pengembangan terma (CTE) agak rendah 4.16 x 10^{-6} inci per ^{o}C, telah dipilih untuk kajian R&D selanjutnya bagi meningkatkan lagi modulus kepecahan (MOR) dan menurunkan nilai CTE jasad tersebut ke paras kalis nyala atau "flameproof". Kajian meningkatkan MOR telah dijalankan melalui ujian kecekapan kepadatan *(packing efficiency)* partikel dengan kaedah pengisaran terpilih untuk mendapatkan nisbah partikel kasar kepada halus melebihi 10 tetapi tidak melebihi 20. Kajian menurunkan nilai CTE telah dijalankan dengan merekabentuk bahan prabakar, yang mempunyai komposisi selepas pembakaran terkawal terdiri daripada fasa-fasa kristal yang mempunyai CTE rendah, seperti anortit, mulit, dan diopsid, sebagai bahan komponen tambahan jasad. Hasil kajian telah berjaya meningkatkan MOR ke tahap keperluan komersil (50-70 MPa) dan nilai CTE diturunkan ke spesifikasi biasa yang disyorkan untuk kalis nyala iaitu di bawah 4 x 10^{-6} inci per ^{o}C.
	Production technology of flameproof technical ceramic body	All five ceramic bodies developed were suited to the production of anti-thermal shock products. One material, of the hard porcelain body-type, that had a lower value of coefficient of thermal expansion (CTE) of 4.16 x 10^{-6} inch per ^{o}C, was selected for further R&D studies to improve its modulus of rupture (MOR) and to lower the CTE value to flameproof level. A study to enhance MOR was carried out using the packing efficiency test through the selective milling method to obtain a bimodal distribution that presented two maximum points of fine and course particles, with size ratio exceeding 10 but below 20. A study to lower CTE was carried out by developing pre-fired material as additional body component materials. Following firing according to a suitable heating profile, the material consisted mainly of low CTE crystalline phases such as anortite, diopside and mullite. MOR was successfully increased to levels that met commercial requirements (50-70 MPa), while CTE was lowered to the recommended flameproof specification, i.e. below 4 x 10^{-6} inch per ^{o}C.

Produk-produk seramik teknikal "anti-thermal shock" bernilai komersil
Commercial value anti-thermal shock technical ceramic products






Teknologi Berasaskan Silika
Silica-Based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	Penghasilan jubin kaca di loji pandu menggunakan kaca kitar semula	Tujuan projek ini adalah untuk menghasilkan jubin kaca daripada kaca kitar semula di peringkat loji pandu menggunakan proses penghabluran (sinter-crystallisation) yang murah. Proses ini adalah teknologi alternatif pembuatan kaca-seramik di mana penumpatan dan pembentukan fasa hablur berlaku serentak pada suhu yang sama. Ciri-ciri produk berjaya memenuhi piawai ISO 13006:2012 (ceramic tile) dan setanding dengan kualiti jubin kaca yang berada di pasaran seperti Neoparies@kaca-seramik dan jubin batuan granit.

Sampel	Purata ketumpatan (g/cm^3)	Penyerapan air (%)	Modulus kepecahan (MOR) (MPa)
Jubin kaca merah	2.348	0.013	36.22
Jubin kaca hijau	2.439	0	37.04
Neoparies@Tile	2.70 – 2.72	0	41 – 50
Granite Tile	2.60 – 2.70	0.40	13.5 – 14.7
Guocera Porcelain Tile	-	≤ 0.5	≥ 35

Ciri-ciri produk jubin kaca yang dihasilkan boleh diringkaskan seperti berikut:

a) Jubin kaca-seramik dengan sifat-sifat fizikal-mekanikal yang mematuhi dengan standard ISO 13006 dan setanding dengan jubin komersial dapat disediakan dengan kaedah pensinteran menggunakan kaca soda-lime kitar semula, pigmen berwarna dan bentonit sebagai pengikat
b) Nilai penyerapan air untuk sampel ujian jubin kaca memenuhi nilai piawaian yang ditetapkan (kurang daripada 0.5% nilai serapan air)
c) Nilai modulus kepecahan sampel memenuhi nilai piawaian minimum yang ditetapkan (sama atau melebihi daripada 35 N/mm^2)
d) Ujian kerintangan stain yang dijalankan ke atas sampel Je dan Jf menunjukkan bahawa kedua-dua sampel tersebut mempunyai nilai kerintangan dan daya tahan yang tinggi terhadap tindak balas bahan-bahan
e) Perbandingan produk jubin kaca dengan sampel jubin komersial menunjukkan bahawa kualiti sampel jubin kaca ujian adalah setara dengan kualiti jubin kaca komersial. Walaupun nilai modulus kepecahannya lebih rendah daripada jubin kaca-seramik Neoparies tetapi masih lagi memenuhi keperluan MS ISO 13006

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
	Glass tile production in pilot plant using recycled glass	The aim of this project was to produce glass tiles from recycled glass in a pilot plant using an inexpensive crystallization (sinter-crystallization) process. This process is an alternative technology for manufacturing glass-ceramic in which densification and formation of crystalline phases occur simultaneously at the same temperature. The product features successfully met the ISO13006 standard: 2012 (ceramic tile), and were comparable to the quality of commercial glass tiles in the market such as Neoparies@glass-ceramic and Granite Tiles.

Sample	Density (g/cm^3)	Water absorption (%)	Modulus of rupture (MOR) (MPa)
Red glass tiles	2.348	0.013	36.22
Green glass tiles	2.439	0	37.04
Neoparies@Tile	2.70 – 2.72	0	41 – 50
Granite Tile	2.60 – 2.70	0.40	13.5 – 14.7
Guocera Porcelain Tile	-	≤ 0.5	≥ 35

Characteristics of glass tiles produced are summarized as follows:

a) Glass-ceramic tiles with physical-mechanical compliance with ISO 13006 standard and on par with commercials could be prepared by the sintering method using recycling soda-lime glass, colored pigments, and bentonite as a binder
b) Water absorption of the test samples met the set standards (less than 0.5% absorption)
c) The modulus of rupture of the samples met the minimum standards (equal to, or greater than 35 N/mm^2)
d) Stain resistance tests performed on samples Je and Jf showed that the two samples had the resistance and high durability of reaction materials
e) Comparison of glass tile products with commercial samples showed that the quality of the test piece is similar to that of commercial glass tiles. Although the modulus of rupture was lower than Neoparies glass-ceramic tiles, it still met the requirements of MS ISO 13006

Penghasilan jubin kaca di loji pandu menggunakan kaca kitar semula
Glass tile production in pilot plant using recycled glass

Serbuk kaca
Glass powder

Uniaxial Pressing Machine (100 - 200 bar)

Proses pensinteran (700 - 800°C)
Sintering process (700 - 800°C)

Sampel jubin kaca selepas proses pensinteran
Glass tile samples after sintering

Teknologi Berasaskan Batuan
Rock-Based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	Penghasilan kertas cetak dengan teknik *in situ*	Kapur karbida telah digunakan sebagai bahan mula untuk penyediaan larutan ionic bersukrosa dengan nilai kepekatan larutan gula 10° Brix tanpa bahan tambahan untuk menghasilkan kertas cetak melalui teknik *in situ*. Parameter yang optimum bagi penggunaan PCC dalam kertas dikaji dalam makmal sebelum ujian lanjut pada skala loji pandu di Western Michigan University, Amerika Syarikat. Kertas yang dihasilkan menepati spesifikasi piawai SIRIM. Justeru, teknik *in situ* yang dibangunkan ini adalah sesuai untuk dikomersialkan.
	Production of printing paper by the *in situ* technique	In paper making using the *in situ* technique, carbide lime was used as the starting material for the preparation of an ionic sucrose solution without additives and with the sugar solution concentration maintained at 10° Brix. The optimum parameters for Precipitated Calcium Carbonate (PCC) in paper making were investigated in the laboratory before further testing on a pilot plant scale at Western Michigan University, USA. The paper produced conformed to the SIRIM Standard for printing paper. Hence, the *in situ* technique developed was deemed suitable for commercialisation.
2	Penghasilan PCC nano	Pelbagai teknik dan bahan mula serta aditif telah digunakan dalam cubaan untuk menghasilkan PCC nano. Antara teknik yang digunakan ialah gas-cecair-pepejal dan cecair-cecair-pepejal. Bahan aditif yang telah diuji ialah sukrosa, glukos, fruktos, EDTA dan sorbitol, sementara bahan mula yang digunakan ialah kapur karbida, kalsium oksida dan kalsium hidroksida. Gas nitrogen dan gelang getah telah digunakan sebagai perencat kepada pembentukan kristal kalsit. Sebanyak 41 ujian menggunakan bahan mula dan aditif yang berbeza telah dijalankan. Saiz butiran PCC <100 nm telah diperolehi dengan menggunakan teknik cecair-cecair-pepejal, dengan kalsium hidroksida sebagai bahan mula, sukros sebagai bahan aditif dan gelang getah sebagai bahan perencat.
	Production of nano PCC	Various techniques and starting materials and additives were tested for the production of nano PCC. The approaches attempted were gas-liquid-solid and liquid-liquid-solid. The additives tested were sucrose, glucose, fructose, EDTA and sorbitol while the starting materials were carbide lime, calcium oxide and calcium hydroxide. Nitrogen and rubber bands were used as retardants in the formation of calcite crystals. A total of 41 tests using different starting materials and additives were carried out. A particle size of PCC <100 nm was obtained using the liquid-liquid-solid technique, with calcium hydroxide as the starting material, sucrose as additive and rubber bands as retardant.

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
3	Penghasilan PCC untuk industri cat	Penghasilan PCC untuk industri cat telah dikaji dengan menggunakan bahan mula dari bahan buangan industri gas asitelina iaitu kapur karbida yang mempunyai kandungan CaO 68.7%. Sebanyak 200 kg PCC telah berjaya dihasilkan menggunakan kaedah larutan ionik bersukrosa di dalam tangki berkapasiti 600 liter untuk memaksimumkan jumlah PCC yang dihasilkan. Kaedah ini adalah kos efektif kerana lebihan air gula boleh dikitar semula. Keputusan ujian menunjukkan PCC yang dihasilkan mempunyai ketulenan yang tinggi iaitu melebihi 98%. Ketumpatan bandingan (SG) dalam julat 2.3-2.4 dan mempunyai nilai komersial. Kecerahan dan keputihan PCC yang dihasilkan juga adalah baik iaitu masing-masing 83.3% dan 75.2%. PCC yang dihasilkan telah dikaji dengan mendalam di syarikat Bina Paint Sdn. Bhd., Bangi Selangor untuk penggunaannya di dalam penghasilan cat.
	Synthesis of PCC for the paint industry	Synthesis of PCC for the paint industry was investigated using carbide lime (an industrial waste of the acetylene gas industry) as the starting material, with CaO content of about 68.7%. Two hundred kilograms of PCC were successfully synthesized using the sucrose ionic solution method in a 600 litre tank to maximize the volume of synthesized PCC. This method was cost effective as unspent sugar solution could be recycled. The analysis showed that the PCC synthesized had a high purity exceeding 98%. Its specific gravity was in the range of 2.3-2.4, which is of commercial value. The brightness and whiteness were also quite high, at 83.3% and 75.2% respectively. The PCC produced was investigated further at Syarikat Bina Paint Sdn. Bhd. for its utility in paint formulation.
4	Perkhidmatan ujian batu dimensi	Sejumlah 143 spesimen dari pihak swasta telah diuji.
	Dimension stone testing services	A total of 143 specimens from private sectors were tested.

Penghasilan kertas cetak dengan teknik *in situ*
Production of printing paper by the *in situ* technique

Penyediaan buburan pulpa berpengisi PCC
Preparation of pulp slurry impregnated with PCC

Kertas cetak yang terhasil menggunakan teknik *in situ*
Printing paper produced using *in situ* technique

Penghasilan PCC nano
Production of nano PCC



Penghasilan PCC nano menggunakan gas CO_2 dan nitrogen sebagai aditif
Production of nano PCC using CO_2 gas and nitrogen as additive

Penghasilan PCC untuk industri cat
Synthesis of PCC for the paint industry

Larutan ionik bersukrosa ditapis dan dimasukkan terus ke dalam tangki penyediaan PCC bagi kajian cat
Ionic sucrose solution is filtered and fed directly into PCC preparation tank for paint formulation

Teknologi Bahan Termaju
Advanced Material Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	Kebolehacuan dan keserasian biologi ingot gigi leusit	Kajian ini memberi tumpuan kepada keserapan air, keterlarutan dan kebolehacuan kaca seramik leusit yang dihasilkan dari pasir silika tempatan bergred tinggi. Keserapan air dan keterlarutan sampel-sampel meningkat dengan ketara setelah direndam dalam larutan berasid. Media rendaman berasid (jus limau dan minuman berkarbonat) menunjukkan kesan yang ketara ke atas mikrokekerasan kaca seramik leusit manakala air suling tidak memberikan apa-apa kesan ke atas bahan tersebut. Mikrokekerasan permukaan berkurang apabila keasidan media rendaman meningkat, dengan minuman berkarbonat yang mempunyai pH 3.1 menyebabkan perubahan yang tertinggi terhadap mikrokekerasan permukaan. Ingot leusit menujukkan keputusan mampatan yang baik dan ketepatan padanan.
	Moldability and biological compatibility of leucite dental ingot	The study focused on water sorption, solubility and mouldability of the leucite glass-ceramics produced from local high grade silica sand. Water sorption and solubility of the samples were significantly increased after immersion in acidic solution. The acidic immersion media (orange juice and carbonated drink) had a significant effect on the microhardness of leucite glass ceramics while distilled water had no effect on the material. Surface microhardness decreased as the acidity of the immersion media increased, with a commercial carbonated drink with pH 3.1 causing the greatest change in surface microhardness. The leucite ingots showed excellent press results and accuracy of fit.
2	Penghasilan komposit marmar menggunakan dolomit dan andalusit tempatan	Komposit marmar yang dihasilkan dari campuran resin polimer, dolomit dan andalusit tempatan merupakan bahan sintetik yang menyerupai marmar semulajadi. Dalam kajian ini, sifat komposit marmar tempatan telah dibandingkan dengan komposit marmar menggunakan pengisi Alumina Tri-hidrat (ATH) yang merupakan pengisi import komersial yang biasa digunakan dalam pembuatan produk komposit *solid surface*. Kajian ini menunjukkan bahawa marmar komposit terisi dengan dolomit dan andalusite tempatan mempunyai kekuatan mampatan dan lenturan yang tinggi, serta dengan nilai keliangan yang rendah. Marmar komposit tempatan menawarkan pelbagai corak di permukaan, bergantung kepada komposisi dan jenis pengisi.
	Production of marble composite using local dolomite and andalusite	Composite marble made from a mixture of polymer resin, local dolomite, and andalusite is a synthetic material which mimics natural marble. In this study, the properties of local composite marble were compared to composite marble filled with Alumina Trihydrate (ATH) which is a commercial imported filler commonly used in the manufacture of composite solid surfaces. The study showed that composite marble filled with local dolomite and andalusite had high compression and flexural strength and low porosity. Local composite marble offered a variety of patterns on the surface, depending on the composition and types of filler.

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
3	Penghasilan kalsium silikat (Ca_2SiO_4) bersaiz nano	Pasir silika dan batu kapur telah digunakan untuk menghasilkan kalsium silikat melalui pembakaran pada 1400 °C. Penggunaan alat Pengisar Bebola Planetari dengan pelbagai bantuan pengisaran telah dapat menghasilkan serbuk kalsium silikat dengan purata partikel saiz (d50) 66.44 nm. Penyelidikan seterusnya dijalankan untuk menilai potensi kalsium silikat sebagai bahan pengisi dalam komposit kayu-plastik. Keputusan kajian mendapati bahawa kalsium silikat tidak mempunyai impak yang besar kepada kekuatan lenturan komposit kayu-plastik. Bagaimanapun, ia dapat mengurangkan penggunaan polimer dan serbuk kayu sehingga 20% sementara masih mengekalkan ciri-ciri astetiknya.
	Production of nano-sized calcium silicate (Ca2SiO4)	Silica sand and limestone were used to produce calcium silicate through combustion at 1400 °C. The Planetary Ball Mill used in conjunction with various grinding aids produced calcium silicate powder with an average particle size (d50) of 66.44 nm. Further research was conducted to assess the potential of calcium silicate as a filler material in wood-plastic composites. The results indicated that calcium silicate did not have a major impact on the bending strength of wood-plastic composites. However, it could reduce the use of polymers and wood by up to 20% while still retaining its aesthetic qualities.

Kebolehacuan dan keserasian biologi ingot gigi leusit
Moldability and biological compatibility of leucite dental ingot

Bahan ujian direndam dalam media rendaman
Test material was immersed in an immersion media



Bahan ujian dibakar selepas proses pembentukan
Test material was fired in an electric furnace after build up process

Ujian kebolehacuan ke atas kaca-seramik leusit
Moldability test of leucite glass-ceramics

Penghasilan komposit marmar menggunakan dolomit dan andalusit atempatan
Production of marble composite using local dolomite and andalusite

Produk komposit kayu-plastik yang dihasilkan dengan menggunakan kalsium silikat sebagai pengisi
Wood-plastic composite products produced using calcium silicate as a filler

Teknologi Pemprosesan Mineral
Mineral Processing Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	Ujian-ujian pemprosesan fiziko-kimia peringkat loji pandu untuk sampel feldspar Pilot plant scale physico-chemical processing tests for feldspar samples	Parameter-parameter untuk proses pengapungan peringkat loji yang menghasilkan gred feldspar yang tinggi telahpun diperolehi. Ia seterusnya telah memungkinkan pemakaian kaedah pengasingan fiziko-kimia untuk operasi peringkat loji yang bersesuaian. The parameters for a pilot plant scale flotation process to produce and recover high grade feldspar were established. It was consequently possible to adopt appropariate pysico-chemical separation methods for a pilot plant scale operation.
2	Pemodelan proses pembebasan dan pemisahan mineral untuk mengoptimumkan parameter-parameter pemprosesan bijih kompleks Modeling mineral liberation and separation processes to optimize ore complex processing parameters	Pelbagai model untuk proses pembebasan mineral dari bijih kompleks telah dibandingkan dengan menggunakan perisian JKSimmet. Various models for processes to liberate minerals from ore complexses were compared using JKSimmet software.
3	Peningkatan perolehan kasiterit bersaiz halus dari bijih timah kompleks Improved recovery of fine-sized cassiterite from tin ore complexes	Pemulihan kasiterit bersaiz halus daripada kompleks bijih telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan fiziko-kimia. Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah ini boleh digunakan untuk mendapatkan semula bijih bersaiz halus. The recovery of fine-sized cassiterite from ore complexes was carried out using a physico-chemical approach. The study showed that the method could be used to recover fined-sized ore.

Latihan pemprosesan mineral dengan menggunakan meja ayun
Training on mineral processing using shaking table

Perbincangan mengenai projek dengan Agensi Nuklear Malaysia
Project discussion with Malaysia Nuclear Agency

Teknologi Perlombongan dan Pengkuarian
Mining and Quarrying Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D Activity / R&D Projects	Hasil / Penemuan / Catatan Results / Findings / Remarks
1	Pengkelasan efluen di kawasan lombong dan pembangunan teknik rawatan *acid mine drainage* (AMD)	Aktiviti projek ini tertumpu kepada kajian lapangan, persampelan dan penganalisisan efluen di 48 kawasan lombong emas, bijih besi dan bijih timah yang aktif dan juga tidak aktif di Terengganu, Kelantan, Perak dan Pahang. Ujian pencirian secara *in situ* bagi parameter kualiti seperti pH, oksigen terlarut, konduktiviti, jumlah pepejal terlarut, potensi penurunan-pengoksidaan dan kekeruhan telah dilakukan ke atas sampel air. Analisis kandungan logam berat telah dilakukan di makmal Pusat Penyelidikan Mineral di Ipoh, Perak. Pengkelasan AMD dibuat selepas kesemua keputusan ujian telah dianalisis.
	Classification of effluent in mining areas and the development of Acid Mine Drainage (AMD) treatment techniques	The project activities focused on field studies, sampling and analysis of effluents at 48 active and inactive gold, iron ore and tin mines in Terengganu, Kelantan, Perak, and Pahang. *In situ* tests for water quality parameters such as pH, dissolved oxygen, conductivity, total dissolved solid, oxidation - reduction potential and turbidity were performed on the water samples. Analyses of heavy metals were conducted at the Minerals Research Centre laboratory in Ipoh, Perak. AMD classification was carried out after the results were analysed.
2	Penyisihan logam berat daripada air sisa lombong menggunakan penyerap yang murah	Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan zeolit yang disintesis daripada abu arang terbang yang diperolehi dari Manjung dalam merawat AMD. Keputusan kajian menunjukkan zeolit mempunyai ciri penjerapan yang lebih baik dalam mengurangkan kandungan logam berat dan meningkatkan pH berbanding dengan abu arang terbang. Ini mungkin disebabkan oleh ciri kealkalian dan kapasiti penukaran kation yang lebih tinggi untuk zeolit. Kesimpulannya, pH memainkan peranan yang penting dalam penyingkiran bahan pencemar. pH dan kapasiti penukaran kation yang lebih tinggi dapat menggalakkan pengurangan logam berat yang lebih banyak.
	Removal of heavy metals from mine waste water using low cost absorbent	Zeolite synthesised from Manjung coal fly ash was investigated for its effectiveness as an absorbent in treating AMD. Zeolite showed better adsorption properties than coal fly ash for heavy metal reduction as the pH increased, probably due to the higher cation exchange capacity in in the former under more alkaline conditions. This study suggested that pH played a very important role in the removal of contaminants. Increments in pH and cation exchange capacity promoted heavy metal reduction through precipitation and adsorption processes.

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D Activity / R&D Projects	Hasil / Penemuan / Catatan Results / Findings / Remarks
3	Penggunaan produk sampingan daripada sisa rawatan AMD	Produk sampingan daripada sisa rawatan AMD di lombong bijih timah di Hulu Perak telah diproses lanjut di makmal. Berdasarkan kandungan SiO_2, Al_2O_3, Fe_2O_3 dan CaO yang tinggi pada sampel hasilan menunjukkan ia sesuai digunakan sebagai suapan kepada pembuatan simen Portland biasa dengan tidak menjejaskan sifat-sifat simen portland. Dalam industri perlombongan yang mapan, pengurangan sisa yang keluar dari lombong adalah penting kerana ia dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.
	Utilisation of by-products from AMD treatment waste	By-products of AMD treatment from tin mines located in Hulu Perak were processed further in the laboratory. The ensuing product that contained high levels of SiO_2, Al_2O_3, Fe_2O_3 and CaO might be suitable as feed material for the manufacture of Portland cement without compromising the cement properties. In a sustainable mining industry, waste reduction from mines is important as it reduces the negative impact on the environment.
4	Pembangunan Indeks Zarah Quarry dan Bunyi Software (QPINs)	Kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu perisian yang dikenali sebagai "Quarry Particulate Index and Noise Software" (QPINs) dengan mengkaji sumber pencemaran debu dan pencemaran bunyi bising daripada trafik di sesebuah kuari. Pembolehubah yang dikaji adalah seperti faktor pengeluaran debu, keadaan meteorologi setempat, kecerunan jalan, aliran trafik, bilangan dan kategori kenderaan pada setiap jam, kelajuan trafik dan komposisi kenderaan. Perisian ini telah berjaya didaftarkan hakcipta dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 25 Jun 2015 dengan No Pendaftaran: LY2015001020
	Development of Quarry Particulate Index and Noise Software (QPINs)	This study was aimed at developing a new software called Quarry Particulate Index and Noise Software (QPINs) by investigating sources of dust pollution and noise pollution from traffic in a quarry. The variables considered in this studied were dust production factors, local meteorological conditions, road gradient, traffic flow, the number and categories of vehicles at every hour, traffic speed and vehicle composition. The software was successfully registered with the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) Copyright on June 25, 2015 with Registration Number: LY2015001020
5	Rawatan AMD di tanah bekas lombong tembaga Mamut	Projek ini adalah projek usahasama antara JMG dan Mine Reclamation Corporation (MIRECO), Korea. Pengambilan data dari loji pandu pasif telah siap dijalankan pada 2014. Data tersebut telah dianalisa di mana penemuan telah dibentangkan di Mine Hazards Management Seminar yang telah diadakan di Pusat Penyelidikan Mineral pada 12-14 May 2015. Seminar ini adalah anjuran bersama pihak JMG dan MIRECO. Hasil penemuan projek ini juga akan dikongsikan dengan agensi negeri Sabah.
	Treatment of AMD at the ex-Mamut copper mine land	Acquisition of data from a passive pilot plant in the project, a joint venture between JMG and Mine Reclamation Corporation (MIRECO), Korea, was completed in 2014. The collected data were analysed and a report of the findings was presented at the Mine Hazards Management Seminar held at the Mineral Research Centre on 12-14 May 2015. The seminar was jointly organized by the JMG and MIRECO. The findings of the study would also be shared with Sabah state agencies.

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D Activity / R&D Projects	Hasil / Penemuan / Catatan Results / Findings / Remarks
6	Kesan aktiviti perlombongan terhadap kualiti air Tasik Chini, Pahang	Penilaian *in situ* telah diadakan ke atas kualiti air dan sisa logam berat terpilih di Tasik Chini dan kawasan sekitarnya berikutan kesan aktiviti perlombongan. Ia adalah kesinambungan daripada kajian yang telah dijalankan pada tahun 2010 dan 2012 oleh JMG Pahang. Pusat Penyelidikan Mineral, JMG telah dilantik untuk mengetuai kumpulan bagi projek ini. Kajian mendapati bahawa aktiviti perlombongan telah memberi impak kepada kandungan logam berat di beberapa lokasi yang berhampiran dengan lombong. Kandungan logam berat yang tinggi juga dikesan di lokasi persampelan di sekitar tasik yang berjarak jauh dari lombong. Oleh itu, aktiviti perlombongan tidak boleh dianggap sebagai penyumbang tunggal yang membawa kepada kandungan logam berat yang tinggi dalam Tasik Chini. Tasik dan kawasan sekitarnya yang kaya dengan enapan laterit dan barit telah membawa kepada kandungan Al, Fe, Mn dan Ba yang tinggi dalam air. Berikutan dengan penyerahan laporan kajian kepada JMG Pahang, satu sesi pembentangan juga telah dijalankan oleh pihak PPM di JMG Pahang pada 17 April 2015.
	Impact of mining activities on the water quality of Tasik Chini, Pahang	An *in situ* evaluation was carried out on water quality and selected metal residues at Tasik Chini and the surrounding areas impacted by mining activities. This was a continuation of the study undertaken in 2010 and 2012 by JMG Pahang. The Mineral Research Centre, JMG, was appointed as the lead group for this project. The study found that mining activities created an impact on metal loads at specific sampling points close to mining areas. High metal levels were also detected in the lake at sampling points which were not in close proximity to the mines. Therefore, mining activities could not be deemed the sole contributor for the high metal load in Tasik Chini. The lake and its surroundings are rich in laterite and barite deposits, leading to an expected high natural background levels of Al, Fe, Ba and Mn. Following submission of the study report to JMG Pahang, a presentation session was conducted by PPM in JMG Pahang on 17 April 2015.

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D Activity / R&D Projects	Hasil / Penemuan / Catatan Results / Findings / Remarks
7	Kualiti air dan potensi penjanaan *acid mine drainage* (AMD) di sekitar Bukit Ibam, Pahang	Kajian ini adalah lanjutan kepada kajian yang telah dimulakan pada September tahun 2014 untuk mendapatkan data asas bagi kawasan Bukit Ibam sebagai persediaan kepada kajian AMD pada masa akan datang. Sampel-sampel air, sedimen, tanah dan batuan sisa lombong telah diambil di beberapa lokasi sekitar Bukit Ibam. Analisis potensi AMD melalui ujian seperti NAG, ANC dan kandungan sulfur yang dijalankan terhadap sampel tanah menunjukkan kebanyakan sampel adalah berpotensi untuk menjana AMD. Sampel air yang diperolehi mencatatkan bacaan pH di antara 2.7 hingga 4.1 di kawasan berhampiran lombong manakala bagi kawasan di bahagian hulu sungai, bacaan pH yang direkodkan adalah di antara 6.3 hingga 6.8. Analisis sedimen menunjukkan beberapa sampel mengandungi aluminium yang tinggi, manakala kandungan logam berat lain didapati rendah dan tidak melebihi had piawai yang boleh diterima.
	Water quality and potential for acid mine drainage (AMD) around Bukit Ibam, Pahang	This study was an extension of the initial study initiated in September 2014 to obtain basic data (baseline data) of Bukit Ibam in preparation for future studies. Samples of water, sediment, soil, and mine waste rocks were taken at various locations around Bukit Ibam. Analysis of AMD potential through a number of tests such as NAG, ANC and sulphur content was carried out on soil samples. The result showed that most of the area had the potential to generate AMD. Water samples obtained showed pH readings between 2.7 to 4.1 in the vicinity of the mine, while pH ranged from 6.3 to 6.8 in the upstream region of the mine area. Sediment analysis showed that a few samples contained high concentrations of aluminium, while the levels of heavy metals content were very low and did not exceed acceptable standards.

Penyisihan logam berat daripada air sisa lombong menggunakan penyerap yang murah
Removal of heavy metals from mine waste water using low cost absorbent

Abu arang terbang dan zeolite yang dihasilkan
Coal fly ash and zeolite produced



Ujian hidroterma
Hydrothermal test



Ujian penjerapan menggunakan *column*
Absorption test using column

Pengkelasan efluen di kawasan lombong dan pembangunan teknik rawatan *acid mine drainage* (AMD)
Classification of effluent in mining areas and the development of acid mine drainage (AMD) treatment techniques

Kolam hampas basah di beberapa buah lombong
Wet tailings pond in a few mines

Pengukuran kualiti air secara *in situ*
In situ water quality measurement

Teknologi Pemulihan Lombong dan Kuari
Mine and Quarry Rehabilitation Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1.	Teknik penanaman mampan untuk pemulihan muka kuari dan projek SPAK untuk pemulihan kawasan bekas kolam lombong	Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) dengan kerjasama dengan Syarikat Imerys Resources (M) Sdn. Bhd telah menjalankan kajian penghijauan muka kuari di Kuari Imerys, Ipoh. Pengairan secara automatik telah dipasang untuk mengairi pokok yang ditanam di muka kuari. Projek Sistem Penanaman Atas Kolam (SPAK) telah memenangi dua anugerah inovasi pada tahun ini, iaitu: i. Pertandingan Inovasi 1NRE (Peringkat Kementerian) yang telah diadakan pada 20 Ogos 2015 di Putrajaya ii. Pertandingan Inovasi 'The Inclusive Innovation Challenge 2015' yang telah diadakan pada 10 September 2015 di Kuantan, Pahang
	Sustainable greening technique for rehabilitation of quarries and the SPAK project for rehabilitation of ex-mining pools	The Mineral Research Centre (PPM), in collaboration with Imerys Resources (M) Sdn. Bhd., conducted a study on greening of the quarry face at Imerys Quarry, Ipoh. Automatic irrigation was installed to water the trees planted at the quarry face. The Upper Pond Planting System (SPAK) project won two innovation awards this year, namely: i. Innovation Competition 1NRE (Ministry level) on 20 August 2015 at Putrajaya ii. Innovation Competition 'The Inclusive Innovation Challenge 2015' on 10 September 2015 at Kuantan, Pahang
2.	Maklumat *Geospatial* Tanah Bekas Lombong in Peninsular Malaysia	Projek kajian mengenai pengumpulan maklumat geospatial tanah bekas lombong diteruskan di Pulau Pinang dan Selangor. Disamping itu, PPM juga terlibat dalam Projek kajian perhutanan semula bekas Kuari Granit di Batu Undan, Lumut, Perak.
	Geospatial information study of ex-mining land in Peninsular Malaysia	The research project on collecting geospatial information for ex-mining land continued in Penang and Selangor. In addition, PPM was also involved in the research project, 'Reforestation of former granite quarry at Batu Undan, Lumut, Perak'.

Teknik penanaman mampan untuk pemulihan muka kuari dan projek SPAK untuk pemulihan kawasan bekas kolam lombong

Sustainable greening technique for rehabilitation of quarries and the SPAK project for rehabilitation of ex-mining pools

Aplikasi kaedah pengairan secara automatik di Kuari Imerys, Ipoh
The application of automatic irrigation methods at Quarry Imerys, Ipoh

Plak kemenangan Projek SPAK di Pertandingan Inovasi *The Inclusive Innovation Challenge* 2015
Plaque victory of SPAK project on Innovation Competition at The Inclusive Innovation Challenge 2015

Peserta Pertandingan Inovasi 'The Inclusive Innovation Challenge 2015' bersama hadiah yang dimenangi
Participants of Innovation Competition 'The Inclusive Innovation Challenge 2015' with their prizes

Pegawai Penyelidik Tn Hj Abdullah Hussin menerima hadiah yang dimenangi dalam Pertandingan Inovasi 1NRE dari Timbalan Ketua Pengarah, Tn Hj Shahar Effendi Abdullah Azizi
Research Officer Hj Abdullah Hussin received the prize in the Innovation Competition 1NRE from the Deputy Director General, Tn Hj Shahar Effendi Abdullah Azizi

Pelaksana dan Pengkomersialan
Commercialization

<table>
<tr><th>Bil.
No.</th><th>Aktiviti / Projek R&D
R&D Activity / Project</th><th>Hasil / Penemuan / Catatan
Output / Finding / Remarks</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Harta intelek berhubung dengan hasil penyelidikan

Intellectual property in relation to research findings</td><td>Pada tahun ini, satu penemuan penyelidikan telah didaftarkan untuk permohonan paten dan satu perisian telah didaftarkan di bawah kategori hakcipta.

This year, one research finding was registered for patent filing and one software was filed under the category of copyright.
<table>
<tr><th>Bil
No</th><th>Tajuk
Title</th><th>Tarikh Pendaftaran
Filing Date</th><th>No. Permohonan
Application No</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Quarry Particulate Pollution Index and Noise Software Volume 1.0.0 (Qpins V1.0.0)</td><td>29.06.2015</td><td>LY2015001020</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Method for Recovery of Sulphide Minerals from Sulphide-containing Material</td><td>06.11.2015</td><td>PI 2015704029</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>2</td><td>Pensijilan MS ISO 9001:2008

MS ISO 9001:2008 Certification</td><td>PPM-JMG telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati MS ISO 9001:2008 sejak tahun 2012. Pada tahun 2015, pensijilan ini telah diperbaharui dan akan kekal sah sehingga tahun 2018.

Skop Pensijilan adalah merangkumi:
i) Perkhidmatan Ujian Batu Dimensi (UBD)
ii) Perkhidmatan Ujian Pemprosesan Bijih Timah (UPBT)

PPM-JMG has implemented the Quality Management System conforming to MS ISO 9001: 2008 since 2012. In 2015, this certification was renewed and would remain valid until 2018.

The scope of certification include:
i) Dimension Stone Testing Service (UBD)
ii) Tin Ore Processing Testing Service (UPBT)</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Penganjuran SIMPOMIN 2015

Organization of the Mineral Symposium ‘SIMPOMIN 2015’</td><td>Pusat Penyelidikan Mineral, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (PPMJMG) dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral telah menganjurkan secara bersama persidangan ‘8th International Conference on Geological and Geo-Resources Engineering (IC-GeoE 2015) & 7th Mineral Symposium (Simpomin 2015)’. Persidangan dengan tema “Towards Sustainable Development and Management of Mineral Resources” ini telah diadakan pada 29–30 September 2015 bertempat di Hotel Cititel, Pulau Pinang.

The Mineral Research Center, Minerals and Geoscience Department Malaysia (JMG-PPM) and School of Materials and Mineral Resources Engineering, USM, jointly organized the 8th International Conference on Geological and Geo-Resources Engineering (IC-GeoE2015) and the 7th Minerals Symposium (Simpomin 2015). The conference with the theme “Towards Sustainable Development and Management of Mineral Resources” was held from 29 – 30 September 2015 in Cititel Hotel, Penang.</td></tr>
</table>

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
4	Penyertaan dalam pameran dan pertandingan	a) *26th International Invention and Innovation Exhibition (ITEX'15)* Pusat Penyelidikan Mineral telah menghantar dua penyertaan dalam *26th International Invention and Innovation Exhibition* (ITEX'15) yang telah diadakan pada 21–23 Mei 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Hasil rekacipta Dr. Rohaya Othman dan pasukannya yang bertajuk 'Papermaking Using Calciumbased Industrial Waste As Filler by *in situ* Technique' telah memenangi pingat perak manakala hasil rekacipta Dr. Ismail Ibrahim dan pasukannya yang bertajuk 'Bench Scale Flotation of Feldspar Using Non-Toxic Activator and Mixed Cationic/ Anionic Collector' telah menerima pingat gangsa. Hasil rekacipta Dr. Ismail ini juga telah mendapat pengiktirafan pencapaian cemerlang dalam kategori 'Water Technology' yang telah ditaja oleh Yayasan King Abdul Aziz, Arab Saudi. b) *6th Muslim World Biz Exhibition and Conference 2015 (Muslim World Biz 2015)* Pusat Penyelidikan Mineral telah menyertai *6th Muslim World Biz Exhibition and Conference 2015 (Muslim World Biz 2015)* yang telah diadakan pada 27–30 Oktober 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Acara ini dianjurkan oleh OIC International Business Centre dengan kerjasama Islamic Centre for Development of Trade (ICDT). Sebanyak 8 projek penyelidikan telah dipilih untuk dipamerkan, iaitu *Eco Friendly Crystal Glass*, *In situ Technique for Paper Making, Engineered Poly Art Marble, Floating Farming System, Quarry Particulate Pollution Index and Noise Software, Anti-Thermal Shock Kitchen Wares, Nontoxic Processed of Feldspar* dan *Zeolite as Adsorbent for Mine Water Treatment.* c) Pertandingan Inovasi 1NRE 2015 Pusat Penyelidikan Mineral menyertai Pertandingan Inovasi 1NRE 2015 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Pertandingan ini telah diadakan pada 20 Ogos 2015 bertempat di Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Putrajaya. Inovasi daripada Hj. Abdullah Hussin yang bertajuk SPAK (Sistem Penanaman Atas Kolam) telah berjaya merangkul tempat ke-2 dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3000. d) The Inclusive Innovation Challenge Pusat Penyelidikan Mineral turut memasuki pertandingan inovasi The Inclusive Innovation Challenge yang telah diadakan pada 9 September 2015 bertempat di Pahang Skill Development Centre, Pahang Darul Makmur. Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Hasil inovasi Hj. Abdullah Hussin yang bertajuk SPAK (Sistem Penanaman Atas Kolam) telah memenangi tempat ke-2 dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3000.

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
	Participation in exhibitions and competitions	a) 26th International Invention and Innovation Exhibition (ITEX'15) The Mineral Research Center submitted two entries to the 26th International Invention and Innovation Exhibition (ITEX'15) held on 21-23 May 2015 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). The invention of Dr. Rohaya Othman and her team, entitled 'Paper making Using Calcium-based Industrial Waste as Filler by *in situ* Technique', won a silver medal while the invention of Dr. Ismail Ibrahim and his team, entitled 'Bench Scale Flotation of Feldspar Using Non-Toxic Activator and Mixed Cationic/ Anionic Collector', received a bronze medal. Dr. Ismail's invention was also recognized as an outstanding achievement in the "Water Technology" category sponsored by the Foundation of King Abdul Aziz, Saudi Arabia. b) 6th Muslim World Biz Exhibition and Conference 2015 (Muslim World Biz 2015) The Mineral Research Center participated in the 6th Muslim World Biz Exhibition and Conference 2015 (Muslim World Biz 2015) held from 27-30 October 2015 at the Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. The event was organized by the OIC International Business Centre in collaboration with the Islamic Centre for Development of Trade (ICDT). A total of 8 research projects were selected for display. They were Eco Friendly Crystal Glass, *In situ* Technique for Paper Making, Poly Art Engineered Marble, Floating Farming System, Quarry Particulate Pollution and Noise Index Software, Anti-Thermal Shock Kitchen Wares, Nontoxic Processed of Feldspar, and Zeolite as Adsorbent for Mine Water treatment. c) 1NRE Innovation Competition 2015 The Mineral Research Center participated in the 1NRE Innovation Competition 2015 organized by the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE). The competition was held on 20 August, 2015 at the Dewan Baiduri, Ministry of Natural Resources and Environment, Putrajaya. The Upper Pond Planting System (SPAK), an innovation by Hj. Abdullah Hussin, won 2nd place and was awarded a cash prize of RM 3000. d) The Inclusive Innovation Challenge The Mineral Research Center also participated in the Inclusive Innovation Challenge held on 9 September 2015 at the Pahang Skills Development Centre, Pahang Darul Makmur. The competition was organized by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and Malaysian Innovation Foundation (YIM). The innovation by Hj. Abdullah Hussin called Upper Pond Planting System (SPAK) secured second place and a cash prize of RM3000.

26th International Invention and Innovation Exhibition (ITEX'15)



6th Muslim World Biz Exhibition and Conference 2015 (Muslim World Biz 2015)

The Inclusive Innovation Challenge 2015

Perkhidmatan Sokongan Teknikal
Technical Support Services

Perkhidmatan Sokongan Teknikal
Technical Support Services

Pengurusan Maklumat

Infrastruktur, Keselamatan dan Aplikasi ICT

Infrastruktur Pusat Data JMG beroperasi dengan lancar sepanjang tahun 2015. Bandwidth rangkaian 1Gov*Net di Kompleks JMG Ipoh kekal dengan kelajuan antara 6 sehingga 20 Mbps, sementara kelajuan internet di JMG Terengganu telah dinaiktaraf ke 6 Mbps.

Dari segi aspek keselamatan siber, Pusat Data JMG mengekalkan persijilan Information Security Management System (ISMS) dari SIRIM bagi tahun 2015 dengan mematuhi keperluan-keperluan berikut:

a) Audit dalam ISMS: 7 to 9 Julai 2015
b) Audit SIRIM (Pemantauan Tahun Pertama): 24-26 Ogos 2015
c) Kursus Pemantapan ISMS: 21-23 April 2015

Dalam tempoh yang sama, pasukan ISMS JMG telah diarahkan untuk melaksanakan peralihan pematuhan kepada piawaiaan baru iaitu MS ISO/IEC 27001:2013.

Kontrak penyelenggaraan Pusat Data masih diteruskan bagi memastikan operasi dan fasiliti Pusat Data dapat beroperasi dengan lancar serta untuk meningkatkan tahap ketersediaan maklumat dalam MINGEOSIS (Sistem Maklumat Mineral dan Geosains).

Pada tahun 2015, Pusat Data JMG sekali lagi terlibat dalam pelaksanaan projek Government Data Center (GDC-2) di bawah pengelolaan pihak MAMPU. Aplikasi portal JMG yang dahulunya ditempatkan di i-City Shah Alam telah dipindahkan ke Pusat Data Sektor Awam (PDSA) di MAMPU, Putrajaya pada pertengahan bulan September 2015. Manakala, pengujian Pemulihan Bencana (DR) telah berjaya dilaksanakan pada 2 November 2015 di bangunan Strateq, Petaling Jaya, Selangor.

Seramai 13 orang mahasiswa/i dari dua buah university tempatan telah menjalani latihan industri di JMG Sabah dari 1 Julai sehingga 19 September 2015.

Information Management

ICT Infrastructure, Security and Application

The JMG Data Center operated smoothly throughout 2015. The 1Gov*Net network bandwidth in JMG Ipoh Complex was maintained at speeds ranging from 6 to 20 Mbps, while internet speed in JMG Terengganu was upgraded to 6 Mbps.

In terms of cyber-security, JMG Data Center maintained the Information Security Management System (ISMS) certification from SIRIM for 2015 by fulfilling the following requirements:

a. ISMS Internal Audit: 7 to 9 July 2015
b. SIRIM Audit (second Year Surveillance): 24-26 August 2015
c. ISMS Enhancement Course: 21-23 April 2015

During the same period, the JMG ISMS team was directed to implement the transition to the new standard MS ISO / IEC 27001:2013.

Contracts on the maintenance of the Data Center were continued to ensure that the data center and facilities operate smoothly, and to enhance the availability of information in the MINGEOSIS (Minerals and Geoscience Information System).

In 2015, the JMG Data Center was again involved in the implementation of Government Data Centre (GDC-2) project under MAMPU management. JMG portal applications, which were formerly hosted in Shah Alam, moved to the Public Sector Data Center (PDSA) in MAMPU Putrajaya in mid-September 2015. The Disaster Recovery (DR) test was successfully executed on 2 November 2015 at Strateq, Petaling Jaya, Selangor.

Thirteen undergraduates from two local universities underwent industrial training in JMG Sabah from 1 July until 19 September 2015.

Pengurusan Data Berkomputer

Penyelenggaraan sistem MINGEOSIS meliputi penyediaan dokumentasi, *source codes, minor changes, query & report* bagi IMdat dan *Au tenor calculation* GEOCHEMdat telah disiapkan pada Disember 2015. Pemasangan perisian *Cold Fusion Version 11 Std.* Edition telah dilakukan di Pusat Data, BPT Ipoh bagi menggantikan versi lama yang terhad penggunaannya.

Bagi modul HYDROdat, terdapat sebanyak hampir 5000 data dalam sistemnya. Manual pengguna telah disiapkan dan telah diedarkan ke pejabat-pejabat negeri. ID pengguna telah diselaras dan diseragamkan mengikut negeri untuk kemudahan akses ke dalam sistem. Latihan kepada para pegawai dan kakitangan terlibat berkaitan HYDROdat versi 2.0 telah diadakan di BPT Ipoh. Ia merangkumi modul eksplorasi, makmal dan pentadbir.

Sistem ST@LK telah dipindahkan dari GDC-2 ke PDSA Putrajaya pada November 2015. Sebelum ini, sistem ini telah diguna pakai oleh pengusaha-pengusaha lombong dan kuari di negeri-negeri Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Perak. Pada masa ini, sebanyak 298 data berkaitan pengkuarian dan 144 data berkaitan perlombongan telah dimasukkan ke dalam system yang merangkumi maklumat asas seperti nama kuari atau lombong berserta alamat, nombor pajakan, nombor lot dan tarikh luput, nombor SKSK/ SKSPM dan tarikh luput, koordinat lokasi dan kawasan DUN/ Parlimen. Maklumat-maklumat ini telah dikemaskini setiap bulan oleh para pengusaha lombong atau kuari sendiri. Para pengusaha lombong juga dikehendaki mengemaskini maklumat berkaitan pengeluaran dan penjualan atau eksport mineral utama dan mineral-mineral sampingan, penggunaan bahan letupan, bilangan tenaga kerja ke dalam sistem ST@LK.

METALdat dan GEOCHEMdat telah dikemaskini untuk memastikan kedua-dua aplikasi ini berfungsi dengan baik. Sehingga akhir 2015, sebanyak 3781 data yang terdiri daripada 2385 data kelodak, 896 data konsentrat mineral berat, 279 data tanih dan 279 data batuan telah direkodkan ke dalam modul GEOCHEMdat.

Computerized Data Management

The MINGEOSIS system maintenance, encompassing documentation, source codes, minor changes, query and report for the IMDat module and gold tenor calculation for GEOCHEMdat module, was completed in December 2015. A newer version of Cold Fusion Version 11 Std. Edition software was installed at the Data Centre, BPT Ipoh to replace the older version which had limited utility.

The HYDROdat module has a collection of almost 5000 data in its system. The user manual was completed and distributed to state offices. Its user ID was standardized according to states for easier access into the system. Training for officers and personnel involved in HYDROdat version 2.0 was conducted in BPT Ipoh. It comprised exploration, laboratory, and administrator modules.

The ST@LK system was migrated from GDC-2 to PDSA, Putrajaya on November 2015. Prior to this, the system had been utilised by mining and quarrying operators in the states of Selangor, Pahang, Negeri Sembilan and Perak. Currently, 298 quarrying and 144 mining data were held in the system which encompassed basic information such as quarry or mine names and addresses, lease numbers, lot numbers and expiry dates, SKSK/ SKSPM numbers and expiry dates, location coordinates and DUN/ Parliamentary constituencies. The data were updated monthly by the quarry or mining operators themselves. The operators also were required to access the ST@LK system in order to update information regarding major and minor minerals produced, sales, and export figures, explosives usage, and workforce.

METALdat and GEOCHEMdat were updated to ensure both applications were in working order. Up to the end of 2015, a total of 3781 data which comprised 2385 on silt data, 896 on heavy metal concentrate data, 279 on soil data and 279 on rock data had been recorded into the GEOCHEMdat module.

Sistem Maklumat Geografi dan Kartografi Berdigit

Pada tahun 2015, aktiviti penyediaan peta geologi digital, penghasilan peta tematik, pengumpulan dan perkongsian data spatial serta percetakan peta telah diteruskan. Di samping itu, kerja kartografi untuk penghasilan peta dan rajah dengan menggunakan perisian grafik masih diteruskan.

Unit Aplikasi GIS di Ibu Pejabat telah ditugaskan untuk kompilasi data dan perkongsian maklumat geospatial dengan pemegang taruh dan juga pelanggan dalaman dan juga luaran.

Geographical Information System and Digital Cartography

In 2015, activities such as the preparation of digital geological maps, thematic map production, spatial data collection and sharing, as well as printing of maps continued. In addition, cartographic work for the production of diagrams and figures using graphics software also continued.

The Unit of Application of GIS at the Headquarters was tasked with data compiling and geospatial data information sharing with stakeholders, and both internal and external customers.

Bil. No.	Aktiviti Activities	Pelanggan Customers	Bil. data No. of data
1.	Perkongsian set data geospatial Geospatial data sets sharing	Dalaman/ Internal	10 set data
		Agensi luar External agencies	10 set data
2.	Memuat-naik maklumat geospatial (mygdi Explorer) Uploading geospatial information	MaCGDI, NRE	73 metadata
3.	Katalog Peta NRE/ NRE Map catalogue	MaCGDI, NRE	10 peta/ maps

Penerbitan dan Perpustakaan

Untuk mencapai salah satu fungsi JMG yang penting iaitu mengumpul, menganalisis dan menyebarkan data dan maklumat berkaitan mineral dan geosains, JMG telah menerbitkan hasil penemuan dan kajiannya dalam berbagai laporan teknikal dan peta. Penerbitan ini disebarkan melalui perpustakaan negeri di seluruh Malaysia.

Di samping enam terbitan berkala tahunan, JMG juga telah menerbitkan laporan peta iaitu "Geologi dan Sumber Mineral Kawasan Yong Peng, Johor Darul Takzim" (Laporan Peta 26). Sebanyak dua garis panduan juga telah diterbitkan iaitu Garis Panduan Penyediaan Laporan Hidrogeologi dan Geologi Bagi Maksud Permohonan Lesen Punca Air Mineral Semula Jadi (JMG.GP.19) dan Garis Panduan Ekplorasi Unsur Nadir Bumi (JMG.GP.20).

Dua peta geologi telah diterbitkan, iaitu Peta Geologi Negeri Sabah (Edisi Ke-4) dan Peta Geologi Kawasan Yong Peng. Satu peta sumber mineral iaitu bagi negeri Sarawak juga telah diterbitkan.

Publications and Library

One of the important functions of JMG is to collect, analyse and disseminate data and information pertaining to minerals and geoscience. In fulfilling this important role, JMG publishes its findings and research results in various technical reports and maps, and also disseminates these publications through its libraries in various states in the country.

Apart from six annual publications, a map report titled "Geologi dan Sumber Mineral Kawasan Yong Peng, Johor Darul Takzim" (Map Report No. 26) was also published. Two guidelines, namely "Guidelines on the Preparation of Hydrogeological and Geological Report for Natural Mineral Water Sources Licence Application (JMG.GP.19)" and "Guidelines on Rare Earth Elements Exploration (JMG. GP.20)" were also published.

Two geological maps were published, namely Geological Map of Sabah (4th Edition) and Geological Map of the Yong Peng. Mineral resources map for the state of Sarawak was also published.

JMG telah menerima seramai 2499 orang pelawat yang membuat rujukan, penyelidikan serta membeli laporan dan peta di perpustakaan. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2015 adalah sebanyak RM82,505, sedikit penurunan berbanding tahun lepas.

A total of 2499 visitors visited the libraries for reference, research, and the purchase of reports and maps. The total revenue collected for 2015 was RM82,505, a slight decrease compared to the previous year's.

Perpustakaan Library	Jumlah pelawat No. of visitor	Penjualan bahan terbitan jabatan Sales of departmental publication					
		Laporan Report		Peta Map		Lain-lain Others	Jumlah penjualan Total sales (RM)
		Bil. No. of item	Jumlah Amount (RM)	Bil. No. of item	Jumlah Amount (RM)	Jumlah Amount (RM)	
Ibu Pejabat/ Headquarters	1489	285	15,024	336	26,665	75	41,764
Bahagian Perkhidmatan Teknikal Technical Services Division	144	48	3175	46	4560	419	8154
Sarawak	275	96	6900	68	5010	340	12,250
Sabah	96	20	1190	35	3300	80	4570
Pusat Penyelidikan Mineral Mineral Research Centre	25	-	-	-	-	-	-
Johor	16	7	430	14	1350	-	1780
Negeri Sembilan/ Melaka	50	16	1023	14	1400	-	2423
Kedah/ Perlis/ Pulau Pinang	126	34	1700	7	700	350	2750
Terengganu	58	23	1170	18	1800	-	2970
Pahang	200	13	1100	27	1424	1000	3524
Kelantan	20	19	1120	12	1200	-	2320
Jumlah/ Total	**2499**	**561**	**32,832**	**577**	**47,409**	**2264**	**82,505**

*Nota: Ibu Pejabat JMG bertanggungjawab ke atas penjualan laporan dan peta di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Notes: JMG headquarters is responsible for the sales of reports and maps in Selangor and the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Muzium Geologi

Muzium geologi yang ditempatkan di BPT (Ipoh), JMG Sarawak (Kuching) dan JMG Sabah (Kota Kinabalu) memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran dan pendidikan geosains di negara ini. Jumlah pelawat ke muzium geologi di Ipoh dan Kuching adalah masing-masing 7235 dan 141, sementara muzium geologi di JMG Sabah telah ditutup untuk ubahsuai.

Geological Museum

Geological museums located at BPT (Ipoh), JMG Sarawak (Kuching), and JMG Sabah (Kota Kinabalu) play an important role as centres of learning and education of geoscience in the country. The number of visitors to geological museum at Ipoh and Kuching was 7235 and 141, respectively; the geological museum at JMG Sabah was closed for renovation.

Photo: Mat Niza Abdul Rahman

